ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Maka ziarahilah perkuburan kerana perbuatan demikian akan mengingatkan kamu kepada kematian".
(Riwayat Al-Imam Muslim).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.13 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.20 | MAGHRIB 6.23 | ISYAK 7.32 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 108 | 9 SEPTEMBER 2026 / 1448 ربيع الأول 27 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# PELANTIKAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 September. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan beberapa orang pegawai kanan seperti berikut :

Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) di Kementerian Pertahanan; Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Dayang Poh Kui Choon untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) di Kementerian Pertahanan; Ketua Unit Inspektorat ABDB, Kepten Haji Norbahrin bin Haji Muamad, Tentera Laut Diraja Brunei untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) di Kementerian Pertahanan; dan Pemangku Pengarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja di Kementerian Pertahanan, Sr. Dayang Hajah Wan Farhani binti Haji Suhaili untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) di Kementerian Pertahanan.

Tarikh kenaikan pangkat dan pelantikan pegawai-pegawai kanan tersebut berkuat kuasa mulai hari Rabu, 27 Rabiulawal 1448 bersamaan 9 September 2026.

# JPM anjur Majlis Ceramah Khas sempena Maulidur Rasul

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 September. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ceramah Khas Maulidur Rasul, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM, hari ini.

Hadir selaku tetamu khas bersama ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; dan Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

>> Muka 3



**YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Petahanan II, Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) dan Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran) ketika hadir pada Majlis Ceramah Khas Maulidur Rasul.**

# UBD rasmikan Makmal Keselamatan Siber, Forensik Digital

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 September. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini secara rasmi membuka Makmal Keselamatan Siber dan Forensik Digital UBD, hasil sokongan Cyber Security Brunei (CSB) dan Information Technology Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS), sekali gus menandakan satu pencapaian penting dalam memperkukuh keupayaan universiti berkenaan dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan latihan amali keselamatan siber.

Majlis pembukaan dirasmikan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Zalani bin Haji Ismail.

>> Muka 4

# Syukuri, hayati perjuangan Rasulullah

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Selasa, 8 September. - Kepentingan mensyukuri nikmat menjadi sebahagian daripada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Umat Islam hendaklah sentiasa bersyukur atas nikmat menjadi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang telah berjuang dengan penuh pengorbanan dalam menyebarkan dan mempertahankan agama Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji 'Abdul Mu'iz bin Haji Amat semasa menyampaikan Ceramah Khasnya pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC, di sini.

Awang Haji 'Abdul Mu'iz dalam ceramahnya yang bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah' berkenaan turut menyentuh mengenai cara Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mendidik dan membentuk generasi para sahabat yang teguh iman dan akhlaknya sehingga mampu meneruskan misi dakwah ke seluruh pelosok dunia.

Dalam hubungan ini, jelasnya lagi, umat Islam bertanggungjawab untuk menghargai, mensyukuri dan menghayati perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengamalkan ajaran Baginda serta meneruskan usaha dakwah dalam kehidupan seharian mengikut kapasiti masing-masing.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



MESYUARAT bincang persiapan pengurusan haji 2027

Muka 3



PENCAPAIAN membaca di NBD meningkat ketara

Muka 6



AMALKAN langkah pencegahan ketika cuaca panas kering

Muka 11




PELAJARI Al-Quran melalui teknologi

Muka 20

# Melahirkan jururawat berkualiti demi kesihatan, kesejahteraan negara

**Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakahtuh, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.**

IA adalah satu penghormatan dan keistimewaan yang besar bagi saya untuk menyertai awda hari ini semua kita meraikan Majlis Konvokesyen Pertama Kolej Sains Kesihatan JPMC (JCHS), satu peristiwa bersejarah bukan sahaja untuk kolej ini tetapi juga untuk pendidikan kejururawatan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kepada graduan sulung kami, tahniah saya ucapkan. Pencapaian awda mencerminkan dedikasi, ketabahan dan komitmen awda terhadap salah satu profesion yang paling mulia dalam masyarakat. Sebagai kelas tamat pengajian pertama JCHS, awda menjadi perintis, yang pencapaiannya akan selama-lamanya menjadi sebahagian daripada sejarah institusi ini.

Penubuhan JCHS didorong oleh tujuan negara yang jelas. Ia diasaskan untuk mengukuhkan tenaga kerja penjagaan kesihatan di NBD dengan membangunkan jururawat yang cekap, penuh belas kasihan dan bersedia masa depan yang dilengkapi untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan negara kita yang semakin berkembang.

Semasa Kementerian Kesihatan terus mengubah sistem penjagaan kesihatan kami, salah satu keutamaan tertinggi kami ialah pembangunan tenaga kerja penjagaan kesihatan yang mahir, berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan. Hospital, perkhidmatan kesihatan komuniti dan penjagaan khusus hanya boleh mencapai kecemerlangan apabila disokong oleh profesional penjagaan kesihatan yang menggabungkan kecekapan klinikal dengan integriti, belas kasihan dan profesionalisme. JCHS mewakili pelaburan penting ke arah mencapai objektif tersebut.

Penjagaan kesihatan berkembang pesat melalui kemajuan dalam sains perubatan, teknologi digital dan keperluan penjagaan kesihatan yang semakin kompleks. Sebagai tindak balas, JCHS mendapat keistimewaan untuk bekerjasama dengan Far Eastern University (FEU), salah satu institusi terkemuka Filipina dalam pendidikan kejururawatan dan penjagaan kesihatan. Perkongsian yang tidak ternilai ini membolehkan JCHS menyampaikan program penanda aras antarabangsa, mengukuhkan kualiti akademik dan menyediakan graduan yang dilengkapi untuk memenuhi piawaian penjagaan kesihatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ia adalah perkongsian yang diasaskan atas komitmen bersama terhadap kecemerlangan dan kemajuan pendidikan penjagaan kesihatan.

Misi ini secara langsung menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035, yang membayangkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi, kualiti hidup yang cemerlang, dan ekonomi yang dinamik dan mampan. Sistem penjagaan kesihatan yang kukuh adalah asas untuk mencapai aspirasi ini dan setiap pelaburan dalam pendidikan kejururawatan adalah pelaburan untuk masa depan NBD.

Memandangkan NBD terus memperkukuh sektor pendidikan tingginya, institusi seperti JCHS juga memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi negara untuk menjadi hab pendidikan serantau yang diiktiraf. Melalui perkongsian antarabangsa, standard akademik yang tinggi dan kelayakan yang diiktiraf di peringkat global, kami mengukuhkan kedudukan NBD sebagai destinasi pendidikan berkualiti sambil membangunkan profesional penjagaan kesihatan yang boleh menyumbang dengan yakin di peringkat serantau dan global.

Hala tuju kita adalah sama sejajar dengan keutamaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, yang terus menekankan pengukuhan tenaga kerja kesihatan, meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti, meningkatkan keselamatan pesakit, memajukan ekuiti kesihatan dan menyediakan negara untuk cabaran kesihatan awam masa hadapan. Melalui pendidikan profesional penjagaan kesihatan yang sangat cekap, JCHS menyumbang bukan sahaja kepada keutamaan NBD tetapi juga kepada komitmen global untuk mencapai kesihatan yang lebih baik untuk semua.

Sebelum saya membuat kesimpulan, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas saya kepada rakan kongsi kami yang dihargai, Far Eastern University, yang sokongan, kepakaran dan komitmen yang tidak berbelah bahagi memainkan peranan



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Konvokesyen Pertama Kolej Sains Kesihatan JPMC pada Rabu, 8 Julai 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

**Terjemahan daripada teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

penting dalam kejayaan penubuhan dan pertumbuhan JCHS. Kerjasama yang berkekalan ini menunjukkan apa yang boleh dicapai apabila institusi bersatu di sebalik visi bersama tentang kecemerlangan pendidikan dan penjagaan kesihatan yang lebih baik untuk komuniti kita.

>> Muka 3

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | RABU | 27 | 4 . 45 | 4 . 55 | 6 . 13 | 6 . 35 | 12 . 19 | 3 . 20 | 6 . 23 | 7 . 32 |
| 10 | KHAMIS | 28 | 4 . 45 | 4 . 55 | 6 . 12 | 6 . 35 | 12 . 18 | 3 . 18 | 6 . 22 | 7 . 32 |
| 11 | JUMAAT | 29 | 4 . 45 | 4 . 55 | 6 . 12 | 6 . 34 | 12 . 18 | 3 . 18 | 6 . 22 | 7 . 31 |
| 12 | SABTU | 30 | 4 . 45 | 4 . 55 | 6 . 12 | 6 . 34 | 12 . 18 | 3 . 19 | 6 . 22 | 7 . 31 |
| 13 | AHAD | 1 RABIULAKHIR | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 12 | 6 . 34 | 12 . 17 | 3 . 19 | 6 . 21 | 7 . 30 |
| 14 | ISNIN | 2 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 34 | 12 . 17 | 3 . 19 | 6 . 21 | 7 . 30 |
| 15 | SELASA | 3 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 17 | 3 . 20 | 6 . 20 | 7 . 29 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C HAZE | 33 25 °C HAZE | 31 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 33 25 °C | 31 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 33 25 °C HAZE | 31 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 33 25 °C HAZE | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 9 SEPTEMBER 2026

# Jaga kesihatan dalam keadaan cuaca tidak menentu

**NEGARA** Brunei Darussalam pada ketika ini dilanda cuaca tidak menentu seperti cuaca kering dan panas. Juga negara dilanda jerebu disebabkan cuaca kering dan juga pembakaran yang tidak terkawal dari kepulauan negara-negara sekitar. Baru-baru ini, para pelajar dari sekolah-sekolah kerajaan dan swasta ditutup disebabkan kadar udara pada tahap tidak sihat.

Pengajaran yang dapat diambil daripada kejadian ini, adalah untuk kita sama-sama meningkatkan penjagaan kesihatan. Orang ramai yang mengalami sebarang kesihatan adalah dinasihatkan untuk memantau tahap kesihatan. Jika mengalami sebarang tanda-tanda adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di hospital.

Pemakaian pelitup muka bagi menghidu asap, meminum air secukupnya bagi mengelakkan dehidrasi akibat perubahan suhu yang drastik. Cuaca tidak menentu ini boleh memberi risiko pada suhu badan selain mengundang penyakit lazim seperti demam, selesema, batuk dan strok haba.

Individu yang mempunyai sejarah penyakit lelah atau asma, perlu lebih berhati-hati memandangkan serangan boleh berlaku, terutama pada petang atau malam ketika suhu lebih rendah.

Kurangkan aktiviti luar rumah terutama ketika hujan dan suhu yang sejuk, selain memakai pakaian bersesuaian. Memang agak sukar untuk memilih pakaian kerana ketika pagi cuaca kebiasaannya panas dan berubah pada sebelah petang.

Ini juga peluang untuk membanyakkan aktiviti di rumah seperti membersihkan rumah bersama keluarga, memperbanyakkan berehat juga memudahkan untuk kita menjalankan ibadah bersama keluarga.

Bagi para pelajar mulai 8 September 2026, mula kembali ke sekolah seperti biasa dengan pematuhan beberapa SOP. Pihak sekolah juga dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan para pelajar dengan menempatkan para pelajar di bilik-bilik yang mempunyai penyaman udara seperti makmal sains, perpustakaan dan bilik-bilik khas.

Marilah kita sama-sama berdoa, supaya Negara Brunei Darussalam dikurniakan hujan rahmat dan udara negara sentiasa bersih daripada sebarang kemudaratan. Dan juga memperbanyakkan berdoa semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan keberkatan, kerahmatan daripada Allah jua dan dijauhkan daripada segala macam keburukan dan bencana.

Sidang Pengarang buat keluaran kali ini, membawa para pembaca untuk sama-sama menjaga kesihatan kerana keadaan cuaca tidak menentu ini boleh mendatangkan kesan sampingan. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# JPM ANJUR MAJLIS CERAMAH KHAS SEMPENA MAULIDUR RASUL

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) dan Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran) hadir selaku tetamu khas bersama pada majlis berkenaan.**



>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Kampung Rimba, Awang Mohamad Adham bin Hashim, diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Mohammad Ekram 'Afif bin Awang Haji Mohd. Hanafi, Alumni Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan diteruskan dengan penyampaian inti sari daripada Surah Al-Ahzab, ayat 40-48 oleh Awang Ahmad Syaheed bin Haji Amynoor, siswa ITQSHHB.

Ceramah Khas bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Cahaya yang Sentiasa Menyinari Ummah' disampaikan oleh penceramah undangan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Antara inti pati yang disampaikan ialah peranan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pembawa cahaya hidayah, serta pentingnya meneladani sifat Baginda dalam berdakwah dengan penuh kesabaran, rahmah dan kebijaksanaan.

Umat Islam turut diseru agar menjadikan ajaran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan dalam kehidupan bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Majlis diakhiri dengan persembahan Dikir Syarafil Anam yang dibawakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Majlis pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Pejabat Wawasan Brunei, JPM selaku Pengerusi Majlis dengan dikendalikan bersama oleh Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Kehakiman Negara.



**CERAMAH Khas disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

# Mesyuarat bincang persiapan pengurusan haji 2027

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa mempengerusikan mesyuarat berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 September. - Dalam memastikan persiapan dan pengurusan jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1448 Hijrah / 2027 Masihi dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, lancar dan berkesan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, (KHEU) bersama-sama Kementerian Haji dan Umrah, Kerajaan Arab Saudi mengadakan Mesyuarat Persiapan Pengurusan Haji bagi Musim Haji Tahun 1448 Hijrah / 2027 Masihi secara dalam talian.

Bagi pihak KHEU, mesyuarat tersebut diadakan di Bilik Musyawarah, Tingkat 4, Bangunan Darul Itqan, KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas.

Mewakili KHEU pada mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad, selaku Pengerusi; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop, selaku wakil Setiausaha Tetap MTIC; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif, selaku wakil Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Riyadh, Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Haji Harun bin Haji Junid; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, Dayang Nur Farahanah binti Haji Sarbini; Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad; Pemangku Timbalan Pengarah (Kemajuan) Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Muhammad Zulkarnain bin Haji Brahim@ Ahmad, selaku wakil Pemangku Pengarah RTB; Ketua Pegawai Komersial, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), Joshua Kok Hwa Law; dan Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Mesyuarat berkenaan antara lain membincangkan perkara-perkara berkaitan kuota jemaah haji dan Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (PUJH) NBD, syarat-syarat dan keperluan haji, penerbangan haji, perkhidmatan perubatan dan kesihatan serta Media Pelapor Haji bagi Musim Haji 1448 Hijrah/2027 Masihi.

Mesyuarat turut membincangkan isu-isu yang berbangkit daripada pengurusan Musim Haji 1447 Hijrah / 2026 Masihi serta cadangan-cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi pengurusan jemaah haji pada musim akan datang.

Hasil perbincangan mesyuarat tersebut akan dibawa ke peringkat menteri untuk perbincangan lanjut semasa Persidangan dan Pameran Haji Edisi Ke-6 (6th Edition of Hajj Conference and Exhibition) yang dijadualkan berlangsung di Arab Saudi pada bulan November 2026.



**MESYUARAT Persiapan Pengurusan Haji bagi Musim Haji Tahun 1448 Hijrah / 2027 Masihi di Bilik Musyawarah, Tingkat 4, Bangunan Darul Itqan, KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas.**

## HALUAN

>> Muka 2

Kepada graduan kami, hari ini, awda menerima lebih daripada kelayakan - awda menerima tanggungjawab. Setiap pesakit yang awda jaga, setiap keluarga yang awda tenangkan dan setiap kehidupan yang awda sentuh akan mencerminkan nilai profesion awda, institusi ini dan negara kita. Sebagai kelas tamat pengajian sulung JCHS, awda kini menjadi duta kolej ini dan profesion penjagaan kesihatan NBD. Profesionalisme, kecekapan dan belas kasihan awda akan membentuk reputasi institusi ini untuk generasi akan datang.

Ke mana sahaja karier awda membawa awda, semoga awda membawa bersama nilai-nilai integriti, belas kasihan dan kecemerlangan. Sampaikan dengan yakin. Pimpin dengan berani. Dan jangan sekali-kali melupakan perbezaan sangat besar yang boleh dilakukan oleh jururawat yang prihatin dalam kehidupan orang lain.

Memandangkan penjagaan kesihatan terus berkembang, saya menggalakkan awda masing-masing untuk menerima pembelajaran sepanjang hayat, menegakkan standard profesionalisme dan integriti tertinggi dan terus berkhidmat dengan penuh belas kasihan. Teknologi akan terus mengubah penjagaan kesihatan, tetapi belas kasihan, empati dan rasa hormat terhadap maruah manusia akan sentiasa kekal sebagai asas kejururawatan.

Graduan, kisah JCHS bermula dengan visi : visi untuk mengukuhkan tenaga kerja penjagaan kesihatan kita, meningkatkan pendidikan kejururawatan dan menyediakan generasi akan datang untuk berkhidmat kepada negara kita dengan cemerlang. Hari ini, visi itu hidup dalam diri awda masing-masing! Maju dengan yakin dan menyumbang kepada NBD yang lebih sihat dan dunia yang lebih baik.

Tahniah sekali lagi kepada kelas yang berjaya menamatkan pengajian sulung JCHS! Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati perjalanan awda, memberikan awda kebijaksanaan dalam perkhidmatan awda dan membimbing awda dalam membuat perubahan yang berkekalan kepada manusia.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# SYUKURI, HAYATI PERJUANGAN RASULULLAH

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas), manakala gambar kanan dan bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah kanan, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji 'Abdul Mu'iz bin Haji Amat menyampaikan Ceramah Khas.**



>> Muka 1

Hadir ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan MTIC berserta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis juga diserikan Persembahan Dikir Asyraqal oleh gabungan pendikir MTIC.

Majlis tahun ini dikelolakan oleh MTIC dan merupakan aktiviti tahunan MTIC dalam menyemarakkan hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping memperkukuh penghayatan terhadap sirah dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga kementerian serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.



# UBD rasmikan Makmal Keselamatan Siber, Forensik Digital

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Turut hadir ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Pemangku Pesuruhjaya CSB, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis; Ketua Pegawai Eksekutif ITPSS Sdn. Bhd., Awang Azman Iskandar bin Ariffin serta wakil-wakil daripada CSB, ITPSS dan pengurusan kanan, pegawai, kakitangan serta mahasiswa UBD.

Makmal tersebut ditubuhkan melalui kerjasama antara UBD, CSB dan ITPSS dengan menggabungkan kekuatan akademik serta kepakaran profesional bagi melahirkan tenaga tempatan berkemahiran dan menyokong masa depan digital Negara Brunei Darussalam (NBD) yang selamat dan berdaya tahan.

Menurut Pemangku Pesuruhjaya CSB, penubuhan makmal berkenaan merupakan antara pelaksanaan praktikal Perkongsian Awam-Swasta (Public-Private Partnership-PPP) dalam mendukung Akta Keselamatan Siber Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam mempromosikan dan membangunkan kompetensi serta standard profesional bakal tenaga profesional keselamatan siber di negara ini.

Beliau turut menjelaskan bahawa inisiatif berkenaan juga akan menyokong kemajuan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan dalam bidang keselamatan siber.

CSB dan ITPSS menyokong penubuhan makmal tersebut dengan menyediakan perkakasan dan perisian yang diperlukan, di samping berkongsi kepakaran praktikal serta pengalaman profesional melalui bengkel yang diadakan.

Sumbangan tersebut diharap dapat membantu para mahasiswa dan penyelidik menghubungkan pengetahuan teori dengan aplikasi praktikal, membangunkan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri serta menangani cabaran keselamatan siber dunia sebenar.

Dalam ucapan alu-aluan, Dekan Sekolah Sains Digital UBD, Profesor Dr. Liyanage Chandratilak De Silva menekankan kepentingan kerjasama tersebut dalam mempersiapkan mahasiswa untuk memasuki alam profesional.

Menurutnya, dengan menggabungkan kekuatan UBD dalam bidang pendidikan dan penyelidikan bersama sumber teknikal, kepakaran praktikal dan pengalaman industri CSB serta ITPSS, kerjasama tersebut dapat merapatkan jurang antara pembelajaran akademik dengan amalan profesional.

Penubuhan Makmal Keselamatan Siber dan Forensik Digital UBD mencerminkan komitmen universiti berkenaan dalam melahirkan tenaga berkemahiran dan bersedia menghadapi keperluan masa depan, di samping memperkukuh keupayaan negara dalam bidang keselamatan siber dan forensik digital.

Inisiatif tersebut turut mengukuhkan peranan UBD dalam menyokong usaha NBD ke arah masa depan digital yang selamat, berdaya tahan dan diperkasakan teknologi.



**MAJLIS Pembukaan Makmal Keselamatan Siber dan Forensik Digital UBD dirasmikan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri.**

# Institusi pendidikan beroperasi secara bersemuka mengikut SOP mulai Selasa

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BERAKAS**, Isnin, 7 September. - Berdasarkan pemantauan dan penilaian semula terhadap tahap kualiti udara semasa, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan bahawa semua institusi pendidikan akan beroperasi secara bersemuka mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) dan bersyarat mulai Selasa, 8 September 2026.

Ketetapan ini adalah mengikut garis panduan yang berkuat kuasa mulai esok bagi semua sekolah rendah, sekolah menengah, maktab dan pusat tingkatan enam kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan serta sekolah ugama, sekolah Arab dan institut tahfiz di bawah kawalan KHEU.

Bagi bacaan PSI antara 51 hingga 100 iaitu Tahap Baik dan Sederhana, semua institusi pendidikan beroperasi seperti biasa dan mengurangkan aktiviti fizikal di luar bilik darjah.

Sementara itu, bagi bacaan PSI antara 101 hingga 150 iaitu Tidak Sihat, semua institusi pendidikan beroperasi secara bersemuka dan bersyarat mengikut SOP; Mengehadkan aktiviti di luar bilik darjah bagi pelajar-pelajar di bawah umur 5 tahun; Menghindarkan aktiviti luar darjah bagi pelajar yang berisiko; dan Aktiviti diadakan di dalam kawasan ataupun ruang yang tertutup.

Manakala bacaan PSI antara 151 hingga 200 iaitu Tidak Sihat, sekolah-sekolah peringkat rendah beroperasi secara Pembelajaran Berasaskan Rumah (Home-Based Learning - HBL), iaitu sama ada secara dalam talian atau menyediakan Home Learning Pack (HLP).

Bagi sekolah-sekolah menengah, maktab dan pusat tingkatan enam bersekolah secara bersemuka dengan bersyarat iaitu Pertama : Sekolah mempunyai infrastruktur serta kemudahan-kemudahan yang mencukupi seperti bilik-bilik darjah atau ruangan yang berhawa dingin atau mempunyai alat penyejuk udara (*air coolers*).

Penyediaan penapis udara (*air filters*) adalah sangat digalakkan; Kedua : Menghadapkan Pelan Kesinambungan Operasi (Business Continuity Plan - BCP) masing-masing ke Jabatan Sekolah-Sekolah atau Jabatan Pendidikan Swasta di bawah Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pengajian Islam di bawah KHEU.

Bagi bacaan PSI melebihi 201 iaitu Sangat Tidak Sihat, semua institusi pendidikan beroperasi secara HBL, iaitu sama ada secara dalam talian atau menyediakan HLP dan bagi institusi pengajian tinggi mengaktifkan BCP masing-masing bagi memastikan kesinambungan pembelajaran dan pengajaran.

Kementerian Pendidikan dan KHEU akan terus memantau keadaan jerebu serta membuat penilaian dari semasa ke semasa bagi menentukan ketetapan mengenai pengoperasian institusi-institusi pendidikan mengikut bacaan PSI di daerah masing-masing. Sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan melalui saluran rasmi.

Sehubungan itu, semua institusi pendidikan, termasuk pengajian tinggi, dinasihatkan untuk terus mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) Insiden Menangani Jerebu, dengan mengambil kira keadaan kualiti udara semasa serta mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan warga pendidikan.

Kementerian Pendidikan dan KHEU merakamkan penghargaan atas kerjasama dan keprihatinan para pelajar, ibu bapa dan penjaga serta seluruh warga institusi pendidikan dalam memastikan kelancaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta peperiksaan sepanjang tempoh ini.

# LAWATAN TINGKATKAN ILMU KETAMADUNAN ISLAM

**AHLI Majlis Perundingan Mukim Kota Batu bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 September. - Ahli Majlis Perundingan Mukim Kota Batu mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) di Jalan Pengiran Babu Raja, baru-baru ini.

Rombongan turut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara iaitu Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing; Yang Berhormat Awang Lawi bin Lamat, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh dan Ketua Kampung Subok, Penghulu Mukim Kota Batu dan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli MPK Kota Batu.

Lawatan diadakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan ketamadunan Islam di samping mengenali lebih dekat kitab-kitab Al-Quran tulisan tangan yang berusia ratusan tahun.

Turut diterangkan juga artifak-artifak peninggalan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seperti pedang, tongkat, capal serta tokoh-tokoh Islam yang mempelopori bidang keilmuan seperti perubatan, ilmu alam yang semuanya bersumberkan Al-Quran.

Antara tumpuan lawatan ialah ziarah ke bilik penyimpanan rambut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Rombongan juga berpeluang mengambil tabaruk dan memohon syafaat agar dapat sama-sama dihimpunkan bersama Baginda di syurga kelak.

Lawatan juga antara lain bertujuan untuk merebut peluang ziarah rambut Rasulullah Sallallahu Alaihi bersempena meraikan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

**Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Kota Batu**

# Akhlak Rasulullah jadi panduan raih keredaan Allah



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada majlis berkenaan (kiri), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kupang**

**KUPANG,** Isnin, 7 September. - Usaha meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala bukan sekadar melalui pelaksanaan ibadah dan peningkatan ilmu, malah perlu disertai dengan usaha memperbaiki akhlak serta meneladani keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara tersebut ditekankan oleh Penolong Kaunselor di Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali dalam Ceramah Khas sempena Sambutan Maulidur Rasul 1448 Hijrah bertajuk 'Inspirasi Uswatun Hasanah', yang berlangsung di Masjid Kampung Kupang malam tadi.

Menurut Awang Fariszal, dalam usaha menuju keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, umat Islam sememangnya dituntut untuk melaksanakan segala yang diperintahkan dan meninggalkan perkara yang dilarang.

Namun, jelasnya, usaha tersebut perlu disertai dengan pembentukan akhlak yang baik kerana amalan tanpa usaha memperbaiki akhlak boleh menyebabkan amalan menjadi sia-sia kerana itulah kita dituntut menjadikan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai inspirasi.

Ceramah Khas yang disampaikan juga turut mengingatkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah menjadikan Rasulullah sebagai contoh ikutan terbaik sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21, yang bermaksud, "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)".

Sehubungan itu, beliau menjelaskan bahawa sekiranya seseorang ingin meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan memperoleh balasan baik di akhirat, maka akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hendaklah dijadikan teladan dalam kehidupan, di samping memperbanyakkan zikir dan mengingati Allah dalam apa jua keadaan, sama ada ketika susah mahupun senang.

Ceramah turut mengetengahkan beberapa kelebihan meneladani akhlak Rasulullah antara memperoleh kecintaan Allah Subhanahu Wata'ala, menjadi insan yang lebih baik, membina hubungan yang baik dengan orang lain, membentuk peribadi yang profesional dan amanah serta menguatkan jiwa dalam menghadapi pelbagai ujian kehidupan.

Awang Fariszal seterusnya menegaskan bahawa kejayaan dalam kehidupan tidak hanya diukur berdasarkan ilmu, pangkat mahupun harta tetapi turut dinilai melalui akhlak dan keperibadian seseorang.



**PENOLONG Kaunselor di Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali dalam Ceramah Khas sempena Sambutan Maulidur Rasul 1448 Hijrah.**

Oleh itu, umat Islam diseru agar sentiasa berusaha memperbaiki akhlak dengan menjadikan Rasulullah sebagai contoh ikutan dalam kehidupan seharian, sekali gus membentuk peribadi yang mulia dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, yang juga selaku Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kupang serta para jemaah dari sekitar kawasan berkenaan.





# BANGUNAN PESAT WADAH PERKASA KOMUNITI SAUDARA BAHARU TEMBURONG

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**TEMBURONG**, Selasa, 8 September. - Penyerahan sebuah bangunan kerajaan bagi kegunaan Persatuan Saudara Baharu Temburong (PESAT) bukan sekadar menyediakan ruang fizikal, malah menjadi wadah memperkasa kegiatan keagamaan, pendidikan, kebajikan, kemasyarakatan dan pembangunan komuniti saudara baharu di Daerah Temburong.

Perkara tersebut ditekankan oleh Ketua Kumpulan Temburong Empowerment through Resource, Activities and Sustainability (T.E.R.A.S), Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia, dalam ucapan alu-aluan pada Majlis Penyerahan Anak Kunci Bangunan bagi kegunaan PESAT yang berlangsung di Pejabat Daerah Temburong, hari ini.

Menurut Awang Abdul Wafi, bagi pihak Kumpulan T.E.R.A.S., merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pegawai Daerah Temburong, Pegawai-pegawai Jabatan Daerah Temburong dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Temburong, Pemangku Yang Dipertua PESAT, Ahli-ahli PESAT, para penaja serta semua pihak yang memberikan kerjasama sehingga hasrat mendapatkan bangunan berkenaan berjaya direalisasikan.

Awang Abdul Wafi Sia menyatakan, penyerahan anak kunci tersebut bukan sekadar penyerahan sebuah bangunan, tetapi merupakan langkah penting dalam menyediakan ruang yang lebih teratur dan kondusif bagi PESAT menjalankan urusan pentadbiran serta pelbagai kegiatan, termasuk keagamaan, pendidikan, kebajikan, kemasyarakatan, latihan kemahiran dan pembangunan ahli.

"Bangunan ini diharapkan akan menjadi tempat yang dapat menyatukan Ahli-ahli PESAT, memperkukuh hubungan silaturahim dan meningkatkan keupayaan persatuan dalam memberikan perkhidmatan kepada komuniti saudara baharu di Daerah Temburong," jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa penyediaan bangunan tersebut selaras dengan objektif penubuhan PESAT, khususnya dalam menyatupadukan saudara-saudara baharu, menggalakkan pembelajaran agama Islam, meningkatkan taraf ekonomi dan kehidupan ahli serta bekerjasama dalam perkara-perkara berkebajikan.

Justeru, beliau berharap bangunan berkenaan akan menjadi wadah untuk PESAT melaksanakan objektif penubuhannya secara lebih teratur, berkesinambungan dan memberi manfaat yang lebih luas kepada ahlinya.

Menurut Awang Abdul Wafi Sia, inisiatif berkenaan turut mencerminkan aspirasi negara dan nilai-nilai Islam yang menitikberatkan pembangunan insan, kesejahteraan masyarakat serta pemeliharaan agama, di samping mengoptimumkan penggunaan aset kerajaan sedia ada untuk manfaat masyarakat.

Beliau menjelaskan, Kumpulan T.E.R.A.S. bersyukur kerana berpeluang menjadi pemudah cara melalui Projek T.E.R.A.S., iaitu Community Outreach Project di bawah Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort Ke-37.

Walaupun pelaksanaannya melalui beberapa siri perbincangan, lawatan dan penyelarasan, komitmen serta kerjasama pelbagai pihak akhirnya berjaya merealisasikan hasrat tersebut.

"Bagi kami, kejayaan Projek T.E.R.A.S. bukan hanya terletak pada penyerahan kunci pada hari ini, tetapi pada bagaimana ruang ini akan terus dihidupkan dan dimanfaatkan oleh PESAT selepas projek ini berakhir," katanya.

Beliau menambah, Kumpulan T.E.R.A.S. hanyalah bertindak sebagai pemudah cara, manakala PESAT dan komuniti saudara baharu Temburong merupakan pihak yang akan meneruskan usaha serta memberikan makna sebenar kepada bangunan berkenaan.

Sementara itu, anak kunci bangunan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar kepada Pemangku Yang Dipertua PESAT, Dayang Nurul 'Ain binti Mohd. Redzuan.

Inisiatif berkenaan direalisasikan melalui Projek T.E.R.A.S., sebuah projek kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh peserta EDPMMO Kohort 37 di bawah Institut Perkhidmatan Awam dengan kerjasama PESAT dan Jabatan Daerah Temburong.

Dengan adanya ruang khusus tersebut, PESAT diharap dapat memperluas penglibatan ahlinya melalui kelas-kelas keagamaan dan pembelajaran, aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan, pembangunan kemahiran serta mesyuarat dan program persatuan.

Aspek kemampanan turut diberikan penekanan apabila bangunan berkenaan dirancang untuk terus dimanfaatkan dan diuruskan oleh PESAT selepas berakhirnya penglibatan langsung Kumpulan T.E.R.A.S.

Sebagai langkah susulan, Kumpulan T.E.R.A.S. bersama PESAT dan rakan-rakan projek akan melaksanakan aktiviti memucang-mucang bagi membersihkan dan menyediakan bangunan tersebut sebelum digunakan sepenuhnya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut; pegawai-pegawai Jabatan Daerah Temburong; wakil-wakil PESAT serta Ahli-ahli Kumpulan T.E.R.A.S.




**PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir pada Majlis Penyerahan Anak Kunci Bangunan bagi kegunaan PESAT di Pejabat Daerah Temburong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.**




# Pencapaian membaca di NBD meningkat ketara

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 September. - Keputusan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (Programme for International Student Assessment - PISA) 2025 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) di Paris, hari ini, melaporkan bahawa di peringkat global, Negara Brunei Darussalam (NBD) berada di kedudukan ke-46 bagi domain Sains, ke-42 bagi domain Matematik dan ke-41 bagi domain Membaca.

Di peringkat ASEAN, NBD berada dalam kedudukan tiga teratas bagi Matematik dan Sains, serta di tempat kedua bagi Membaca. Skor purata NBD di dalam domain utama iaitu Sains adalah 439. Manakala skor purata bagi Matematik ada 435 dan 426 dalam Membaca. Meskipun terdapat sedikit penurunan dari segi skor purata bagi semua domain, pihak OECD melaporkan bahawa perkara ini tidak signifikan dari segi statistik.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin dalam Taklimat Media PISA 2025 bertempat di Bilik Persidangan 1, Kementerian Pendidikan, di sini.

"PISA yang bermaksud ialah satu penilaian berskala besar antarabangsa yang diiktiraf secara meluas dan dijalankan setiap tiga tahun oleh OECD. Sekitar 760,000 pelajar daripada 91 negara dan ekonomi telah turut serta dalam PISA 2025, sekali gus menjadikannya penyertaan PISA yang terbesar setakat ini.

"Bagi NBD, seramai 5,740 pelajar daripada 55 buah sekolah menengah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyertai kajian PISA tersebut antara bulan April dan Mei 2025," jelasnya.

Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati seterusnya mengongsikan dalam PISA 2025, pencapaian membaca di NBD telah meningkat dengan ketara, meskipun keputusan membaca telah menurun di kebanyakan negara di seluruh dunia.

Malah, NBD adalah salah satu daripada empat buah negara yang menunjukkan trend peningkatan dalam kesemua domain (Sains, Matematik dan Membaca) antara PISA 2015 dan PISA 2025.

Dalam PISA 2025 tambahnya, satu penilaian baharu juga telah diperkenalkan dalam pusingan ini untuk menguji Computational Problem-Solving. Ia berfokus kepada penilaian keupayaan pelajar menyelesaikan masalah menggunakan alat perkomputeran melalui proses iteratif dan terkawal sendiri.

Beliau menjelaskan, dalam Computational Problem-Solving, NBD mencatatkan skor 496 iaitu empat mata di bawah purata OECD sebanyak 500. Pencapaian ini telah meletakkan NBD di kedudukan ke-32 di peringkat global.

Dalam pusingan ini ujarnya, OECD juga telah mengkaji penglibatan pelajar di sekolah. Bagi NBD, pelajar-pelajar telah dilaporkan mempunyai tahap penglibatan yang tinggi serta bersikap positif terhadap pembelajaran. Ini sekali gus meletakkan NBD di kedudukan ke-23 dalam kalangan 91 buah negara yang menyertai.

Kongsi beliau lagi, ini merupakan penyertaan kali ketiga NBD menyertai PISA, selepas penyertaan kali pertama pada tahun 2018. Melalui perbandingan keputusan di peringkat antarabangsa dan kajian perbandingan trend merentas tiga pusingan, penggubal dasar serta pendidik di NBD akan dapat mempelajari dasar dan amalan yang dilaksanakan oleh negara-negara lain.

"Kementerian Pendidikan akan terus mengkaji data ini dan berusaha untuk menyokong semua usaha dalam menyediakan pendidikan berkualiti untuk semua. Kementerian Pendidikan menyifatkan prestasi pelajar yang memberangsangkan ini adalah hasil daripada usaha gigih para pendidik di negara ini dalam membantu semua pelajar mencapai potensi mereka sepenuhnya," ujarnya.

Dengan dedikasi yang tinggi dan usaha gigih yang berterusan ini juga, sekolah-sekolah telah mencapai peningkatan yang luar biasa dan ini mengukuhkan lagi kedudukan negara khusus dalam pendidikan dan menjadikan pencapaian ini sebagai penanda aras negara yang baharu. Pencapaian ini adalah bukti hasil kerja keras, dedikasi dan pendekatan inovatif yang disambut baik oleh pelbagai pihak dan selaras ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir semasa sesi taklimat tersebut ialah Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Eddy Fazlin bin Haji Amdan dan Dr. Dayang Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu serta Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee.



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan berucap pada Taklimat Media PISA 2025.**

# TINGKATKAN KESEDARAN TENTANG PENGGUNAAN TEKNOLOGI SEIMBANG, BERHEMAH

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 September. – Kumpulan Al-Qudwah Sesi 2025/2026, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), baru-baru ini menganjurkan Program Digital Break & Reset (Sunnah Edition) di UNISSA bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam.

Program tersebut melibatkan seramai 30 mahasiswa dan mahasiswi serta 20 orang Ahli Jawatankuasa Al-Qudwah. Sepanjang program berlangsung, para peserta menyerahkan telefon pintar masing-masing bagi memberi ruang untuk berehat daripada penggunaan *gadget* dan menumpukan perhatian kepada aktiviti yang lebih bermakna.

Inisiatif ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran tentang penggunaan teknologi secara seimbang dan berhemah. Pada masa yang sama, program berkenaan menggalakkan peserta menghayati sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan mengurus masa, menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan membina hubungan yang lebih baik sesama manusia.

Antara pengisian utama ialah sesi tazkirah bertajuk 'Living the Sunnah in a Digital World' yang disampaikan oleh Penolong Pendaftar Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin.

Sesi tersebut menekankan pendekatan mengimbangi penggunaan teknologi dengan pengamalan sunnah serta kepentingan memelihara masa.

Para peserta turut mengikuti bengkel refleksi berkumpulan dan Seerah Storytelling Challenge. Melalui cabaran ini, peserta membaca, membincangkan dan mempersembahkan kisah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta para sahabat secara kreatif.

Aktiviti tersebut membantu memperluas kefahaman mengenai sirah, di samping mengasah kemahiran komunikasi, kerjasama dan pembentangan secara bersemuka.

Pengisian program turut merangkumi Solat Sunat Duha, Solat Zuhur Berjemaah, *qailulah*, penyediaan *talbina* dan bengkel asas memanah. Seterusnya *talbina* diagihkan kepada pelajar yang menginap di hostel dan pekerja *unsung heroes* sekitar UNISSA.

Melalui pendekatan tanpa *gadget*, peserta berpeluang berinteraksi secara langsung, membina ukhuwah dan menilai semula corak penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian.

Program ini juga diharap dapat membantu peserta mengurus masa dengan lebih berkesan serta meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani.

Turut hadir dalam program tersebut, Timbalan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, selaku Penasihat Kumpulan al-Qudwah UNISSA.

Program ini mencerminkan usaha Al-Qudwah UNISSA untuk membentuk mahasiswa yang produktif, berdisiplin dan seimbang, serta mampu memanfaatkan kemajuan digital tanpa mengabaikan nilai Islam dan tuntutan pembangunan diri.



**ANTARA Program Digital Break & Reset (Sunnah Edition) di Universiti Islam Sultan Sharif Ali bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam.**

## Puisi

# JEREBU

*JEREBU*
adalah asap
dari pembakaran hutan.
Menurut indeks IPU:
**0 – 50** status baik
(tahap pencemaran rendah
tidak membahayakan);
**51 – 100** status sederhana
(tahap pencemaran sederhana
belum membahayakan kesihatan);
**101 – 200** status tidak sihat
(tahap pencemaran sudah boleh
menjejaskan kesihatan);
**201 – 300** status sangat tidak sihat
(tahap pencemaran dianggap tinggi
menjejaskan kesihatan);
**301 – 500** status berbahaya
(tahap pencemaran sangat tinggi
membahayakan kesihatan);
**500** ke atas status dharurat
(tahap pencemaran terlalu
membahayakan kesihaan).
*KESAN-KESAN*
apabila terdedah
kepada jerebu, antaranya :
* Gatal-gatal di kerongkong dan batuk
* terganggu bernafas
* mata pedih dan berair
* kerap bersin
* kulit badan gatal-gatal.
*LANGKAH-LANGKAH*
yang dianjurkan
semasa jerebu, antaranya :
* semampu mungkin
berada dalam bangunan
* kerap membasuh muka
seperti melazimi
membaharui wudhu
* minum banyak air putih
* memakai penutup hidung
dan mulut jika perlu
* mengikut nasihat pihak
berkuasa
* membaca antara do'a
yang diajarkan oleh Nabi
riwayat Abu Daud. Do'a
tersebut :

اَللّٰهُمَّ اسْقِ عِبَادَكَ ، وَبَهَائِمَكَ ،
وَانْشُرْ رَحْمَتَكَ ، وَأَحْيِ بَلَدَكَ الْمَيِّتَ.

**maksudnya :** *"Ya Allah
turunkanlah hujan kepada
para hamba-Mu, kepada
haiwan ternak. Berikanlah
keluasan rahmat-Mu dan
hidupkan negeri yang mati."*
Sahabat Anas bin Malik radhiallahu 'anhu
meriwayatkan:
Seorang lelaki telah masuk
ke dalam masjid pada Hari
Juma'at, sedang Rasulullah
tengah menyampaikan nasihat.

Lelaki itu berkata : *"Wahai
Rasulullah, harta-harta
telah binasa dan jalan-
jalan terputus. Ramai
orang lapar dan haus.
Maka mohonlah kepada
Allah supaya menurunkan
hujan."* Lalu Rasulullahpun
mengangkat kedua tangannya
sambil berdo'a :

اَللّٰهُمَّ أَغِثْنَا
اَللّٰهُمَّ أَغِثْنَا ، اَللّٰهُمَّ أَغِثْنَا ،

*(Ya Allah, bantulah kami
dengan menurunkan hujan.
Ya Allah, bantulah kami
dengan menurunkan hujan.
Ya Allah bantulah kami
dengan menurunkan hujan).*
Berkata Anas : *"Demi Allah,
kami tidak melihat matahari
selama tujuh (7) hari kerana
banyaknya hujan"*
(Lihat Hadits riwayat Al-
Bukhari dan Muslim).
* * *
Tiap-tiap apa jua berlaku
bukanlah sia-sia,
tetapi ada
dengan sebabnya,
seperti isu JEREBU ini
bukankah ia juga
berpunca daripada kita?
Maka dengan ini,
memang maha benar
firman Allah, tafsirnya:
*"Telah timbul
pelbagai kerosakan
dan bala bencana
di darat dan di laut
dengan sebab
apa yang dilakukan
oleh tangan-tangan insan.
(dan timbulnya itu)
kerana Allah
hendak merasakan
kepada mereka
sebahagian daripada
balasan buruk
dari perbuatan-perbuatan
yang telah mereka lakukan,
supaya ...
mereka kembali insaf
dan bertaubat"*
(Lihat Surah Ar-Rum
ayat 41).
* * *
Nah, tidakkah di sini
kejadian *JEREBU*
ada *HIKMAH*
di sebaliknya?
Sama-samalah
kita mengambil pengajaran.

**ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam.
22 Rabiulawal 1448**



# HBL-HLP PASTIKAN PENDIDIKAN TERUS BERLANGSUNG KETIKA JEREBU

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 September. - Kebelakangan ini, keadaan jerebu yang melanda negara telah menimbulkan pelbagai kebimbangan dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat.

Namun di sebalik keresahan berkenaan, terdapat satu langkah bijaksana yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar terus terpelihara, iaitu Pembelajaran Berasaskan Rumah (Home Based Learning-HBL) bagi pelajar sekolah.

Keputusan untuk melaksanakan HBL berkenaan bukanlah sesuatu yang dibuat secara terburu-buru, tetapi ia adalah hasil pemantauan berterusan terhadap tahap kualiti udara serta penilaian risiko kesihatan yang mendalam, terutamanya terhadap golongan kanak-kanak yang lebih mudah terdedah kepada kesan negatif jerebu.

Apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) menunjukkan tahap tidak sihat, sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengutamakan kesihatan pelajar daripada segala-galanya dan di situlah HBL memainkan peranan yang sangat penting.

Apa yang menarik tentang pelaksanaan HBL kali ini ialah pendekatannya yang fleksibel dan inklusif.

Pelajar boleh mengikuti pembelajaran secara dalam talian dari rumah masing-masing, manakala bagi mereka yang tiada akses kepada peranti atau internet, kaedah Pek Pembelajaran di Rumah (Home Learning Pack-HLP) turut disediakan.

Ini bermakna tiada seorang pun pelajar yang akan ketinggalan dalam usaha menimba ilmu, walaupun dalam situasi yang tidak diingini.

Pendekatan berkenaan membuktikan bahawa kerajaan benar-benar serius dalam memastikan pendidikan terus berjalan tanpa mengorbankan kesihatan generasi muda.

Peranan ibu bapa dalam tempoh HBL berkenaan juga amat signifikan kerana mereka bukan sahaja menjadi pemantau pembelajaran anak-anak di rumah, malah turut memainkan peranan sebagai penyokong emosi di saat keadaan sekeliling mungkin menimbulkan keresahan.



**SATU langkah bijaksana yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar terus terpelihara, iaitu Pembelajaran Berasaskan Rumah (Home Based Learning-HBL) bagi pelajar sekolah (atas dan kiri).**

Justeru, kerjasama erat antara pihak sekolah, ibu bapa dan kerajaan amat diperlukan agar matlamat HBL untuk menjaga kemaslahatan pelajar dapat dicapai dengan jayanya.

Sudah tentu, HBL bukanlah sesuatu yang asing bagi kita kerana pengalaman terdahulu semasa pandemik COVID-19 melanda dunia, ia mengajar kita bahawa pendidikan boleh diteruskan dalam pelbagai bentuk dan kaedah, asalkan komitmen dan kerjasama semua pihak ada.

Yang penting, kesihatan dan keselamatan pelajar tidak boleh diambil mudah demi apa jua sebab sekalipun.

Kesimpulannya, HBL adalah satu pelan tindakan yang bukan sahaja menjaga kemaslahatan pelajar, malah melambangkan keprihatinan dan komitmen berterusan kerajaan terhadap masa depan generasi negara.



# MINDA PEMBACA

## Memperkasa komuniti melalui perniagaan berimpak sosial

**WAWASAN** Brunei 2035 telah menggariskan hasrat negara untuk membina ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan menerusi Matlamat 3, khususnya melalui usaha kepelbagaian ekonomi serta pemerkasaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Sehubungan dengan itu, perniagaan berimpak sosial dilihat semakin relevan sebagai satu pendekatan yang tidak sekadar mengejar keuntungan tetapi turut membawa manfaat nyata kepada komuniti *kitani*.

Perniagaan sebegini berbeza daripada perniagaan konvensional kerana sebahagian daripada nilai yang dijana akan disalurkan semula bagi menangani isu sosioekonomi setempat seperti peluang pekerjaan, akses kepada keperluan asas dan pembangunan di kawasan luar bandar. Ambil contoh perniagaan yang membekalkan input pertanian mampan kepada pekebun-pekebun kecil *kitani*. Selain menjana pendapatan, perniagaan seumpama ini turut membantu meningkatkan hasil tani tempatan secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan negara kepada import makanan.

Bagi memperkukuhkan lagi pendekatan ini, pihak berkepentingan wajar mempertimbangkan beberapa langkah. Kerjasama strategik antara sektor swasta, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan perlu dipereratkan. Di samping itu, program pembangunan kapasiti bagi usahawan tempatan, terutamanya golongan belia dan wanita, patut diperluaskan lagi. Mekanisme insentif yang bersesuaian juga boleh diperkenalkan bagi menggalakkan lebih ramai usahawan *kitani* menceburkan diri dalam bidang ini.

Dengan sokongan dasar yang jelas dan penglibatan komuniti sejak peringkat awal, perniagaan berimpak sosial berpotensi menjadi enjin penting ke arah ekonomi yang bukan sahaja berdaya saing tetapi turut inklusif, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

**Nama : Siti Rusdinah binti Haji Ruslan**
**No. K/P : 01-046XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Kesan Pengangguran Terhadap Ekonomi dan Masyarakat'.** Tarikh Tutup **: 9 September 2026**
2.**'Waspada Banjir: Persediaan Menghadapi Musibah'.** Tarikh Tutup **: 16 September 2026**
3.**'Amalan Gaya Hidup Lestari dalam Menghadapi Perubahan Iklim'.** Tarikh Tutup **: 23 September 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3.**Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# 57 TERIMA ANUGERAH DEKAN SESI AKADEMIK 2025/2026

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 September. – Fakulti Syariah bersama Badan Pelajar Syariah (BaSyar), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Pembubaran Badan Pelajar Syariah Sesi 2025/2026 dan Majlis Pelantikan BaSyar Sesi 2026/2027, baru-baru ini.

**MAJLIS Penyampaian Anugerah Dekan Fakulti Syariah Sesi Akademik 2025/2026 dan Majlis Pembubaran Badan Pelajar Syariah Sesi 2025/2026 (kiri dan bawah).**

Majlis diselajurkan dengan penyampaian Anugerah Dekan Fakulti Syariah Sesi Akademik 2025/2026 bertempat di Auditorium, UNISSA.

Turut hadir, Dekan, Fakulti Syariah, Dr. Haji Azme bin Haji Matali selaku tetamu kehormat serta para pensyarah, pegawai dan kakitangan Fakulti Syariah.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada tetamu kehormat diikuti dengan ucapan daripada Presiden BaSyar.

Seramai 57 mahasiswa dan mahasiswi telah menerima Anugerah Dekan bagi Sesi Akademik 2025/2026 dari Tahun 1 hingga Tahun 4.

Majlis diadakan bagi menghargai Ahli BaSyar atas komitmen dan sumbangan diikuti memperkenalkan ahli baharu bagi Sesi 2026/ 2027.

Di samping itu, penyampaian Anugerah Dekan turut diadakan sebagai tanda penghargaan kepada mahasiswa dan mahasiswi yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik bagi semester yang ditetapkan.




# JKP mengalukan penyertaan pihak berkepentingan sempena VBY2027

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 September. - Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) mengalu-alukan penyertaan pihak berkepentingan di seluruh negara dalam menyokong serta menyumbang kepada kejayaan Tahun Melawat Brunei 2027 (VBY2027).

VBY2027 merupakan satu platform strategik bagi mengetengahkan kekayaan warisan budaya, alam semula jadi, produk tempatan serta pengalaman pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD), di samping mewujudkan lebih banyak peluang bagi industri pelancongan, para usahawan serta masyarakat setempat.

Sehubungan itu, JKP mengalu-alukan organisasi, syarikat, kumpulan masyarakat dan pihak berkepentingan lain untuk mengemukakan acara, program serta inisiatif untuk dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada VBY2027.

Antara yang boleh diketengahkan termasuk acara dan aktiviti dalam bidang kebudayaan dan warisan, gastronomi, sukan dan rekreasi, pelancongan berasaskan masyarakat, industri kreatif, pembangunan produk pelancongan serta pelbagai inisiatif lain yang dapat memperkaya tawaran pelancongan NBD.

JKP juga mengalu-alukan cadangan yang dapat menarik pengunjung tempatan dan antarabangsa, mewujudkan pengalaman yang bermakna dan tidak dapat dilupakan, mengetengahkan keunikan NBD serta membuka peluang kepada perniagaan dan masyarakat tempatan untuk meraih manfaat daripada peningkatan aktiviti pelancongan.

Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan sepanjang 2027 diharap dapat menyumbang kepada VBY2027 sebagai satu sambutan yang meriah dan berlangsung sepanjang tahun, di samping memperkukuh ekosistem pelancongan NBD.

Pihak berkepentingan juga diingatkan bahawa sebarang penggunaan logo rasmi dan maskot VBY2027 bagi bahan promosi, penerbitan, media sosial, laman sesawang, barangan, produk atau tujuan berkaitan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan serta memerlukan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada JKP.

JPK menggalakkan semua pihak berkepentingan untuk merebut peluang berkenaan bagi menjadi sebahagian daripada VBY2027 serta sama-sama mengetengahkan NBD ke persada dunia.

Pihak berkepentingan yang berhasrat untuk mengemukakan acara, inisiatif atau cadangan untuk dipertimbangkan adalah dialu-alukan untuk berbuat demikian melalui Kod QR yang disediakan.

Bagi mereka yang telah mengemukakan cadangan sebelum Ogos 2026, sukacita dimaklumkan bahawa cadangan berkenaan kini sedang dalam proses penelitian dan pihak jabatan akan menghubungi mereka pada masa yang bersesuaian.

Untuk pertanyaan berkaitan VBY2027, sila hubungi Sekretariat VBY2027 menerusi talian +673 7172822 atau melalui e-mel di *vby2027@tourism.gov.bn.*

# 2 warga asing ditahan dalam Operasi Kakas

**BELAIT,** Selasa, 8 September. - Dalam usaha berterusan bagi membanteras pesalah-pesalah imigresen yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan (BSB) dan Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait telah melaksanakan dua operasi penguatkuasaan undang-undang di bawah Operasi Kakas 2026.

Operasi Kakas 94 / 2026 menyasarkan tempat perhentian bas, BSB dan hasil daripada operasi tersebut, seorang warga asing yang diperiksa telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, BSB bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan dua kesalahan iaitu di bawah Bab 5(1), Akta Imigresen, Penggal 17, masuk ke negara ini tanpa melalui Pos Kawalan yang diisytiharkan dan di bawah Bab 6(1)(c), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu masuk dan tinggal di negara ini tanpa mempunyai Pas Imigresen yang sah.

Sementara Operasi Kakas 95 / 2026 menyasarkan kawasan sekitar di Mukim Seria dan hasil daripada operasi tersebut, pemeriksaan ke atas seorang warga asing yang diperiksa telah membawa kepada penahanan individu tersebut ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Dalam pada itu, JIPK turut mengongsikan satu sesi pendakwaan hasil daripada Operasi Kakas 81 / 2026 yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, JIPK yang mana keterangan pendakwaan adalah seperti berikut iaitu Shafik Khan, seorang lelaki warganegara Bangladesh berumur 36 tahun mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 kerana tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh. Beliau dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan tiga kali sebatan. Hukuman berkuat kuasa pada 11 Ogos 2026.



**JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan dan Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait melaksanakan dua operasi penguatkuasaan undang-undang di bawah Operasi Kakas 2026.**

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Pelita Brunei

# Larangan Menggunakan Kain Penutup Keranda yang Bertulis Ayat al-Qur'an dan Ism Mu'azhzham

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

***(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**DALAM** tradisi masyarakat Islam, penggunaan kain penutup keranda telah menjadi amalan yang meluas. Kain tersebut dihamparkan di atas keranda kemudian dibentangkan di atas kubur ketika memasukkan jenazah ke liang lahad. Menurut syari'at Islam, membentangkan kain di atas kubur ketika memasukkan jenazah ke liang lahad adalah sunat, bahkan ia lebih dituntut apabila jenazah yang dikebumikan adalah perempuan kerana melindungi bahagian-bahagian badan jenazah yang wajib ditutup daripada sebarang kemungkinan akan terdedah.

Di samping kain biasa, kain yang bertulis ayat-ayat al-Qur'an sering juga digunakan sebagai penutup keranda. Begitu juga kain yang bertulis padanya zikir dan doa yang lazimnya mengandungi *Ism Mu'azhzham*. *Ism Mu'azhzham* ialah nama yang dimuliakan antaranya seperti nama Allah (*lafzh al-Jalalah*), nama-nama Allah *al-Asma' al-Husna*, nama-nama para nabi sekalipun dia bukan rasul, nama-nama para malaikat, nama-nama orang salih dari kalangan mu'minin seperti nama-nama para sahabat dan wali-wali *Radhiallahu 'anhum*.

Selain untuk menjaga kehormatan jenazah, kain yang bertulis ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* itu, pada anggapan sebahagian orang, boleh memberi manfaat seperti mendatangkan berkat kepada jenazah (tabarruk).

Namun dari sudut yang berbeza, sebahagian orang mempersoalkan mengenai penggunaan kain penutup yang bertulis ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* itu disebabkan ia melibatkan sesuatu yang dimuliakan dalam Islam. Ada orang yang mengatakan bahawa hukum menggunakan kain yang mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* adalah haram. Perkara ini menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai, sama ada amalan menggunakan kain penutup yang mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* itu bercanggah dengan syari'at Islam ataupun sebaliknya.

Menurut hukum syara' al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* wajib dihormati, dimuliakan dan diagungkan. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah menyebut :

**Ertinya** : *Sesungguhnya al-Qur'an dan setiap Ism Mu'azhzham seperti nama Allah atau nama Nabi-Nya wajib dihormati, dimuliakan dan diagungkan.*

Menghina al-Qur'an dan sesuatu yang bertulis *Ism Mu'azhzham* adalah haram dan boleh menyebabkan orang yang melakukannya menjadi kafir, umpamanya seseorang dengan sengaja mencampakkan kertas yang bertulis *Ism Mu'azhzham* ke tempat yang kotor dengan niat untuk menghina ugama.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, perbuatan sengaja menyentuhkan al-Qur'an atau *Ism Mu'azhzham* atau hadits termasuk kitab-kitab ugama Islam dengan benda kotor seperti tahi, hingus atau air ludah juga boleh menyebabkan pelakunya dihukumkan kafir jika ia dilakukan dengan maksud menghina ugama kerana perbuatan itu termasuk dalam perkara merendahkan atau menghina ugama. Beliau berkata :

**Ertinya** : *Sesungguhnya sentuhan sesuatu (yang tertulis al-Qur'an atau Ism Mu'azhzham( dengan benda kotor juga dihukumkan kafir (jika ia dilakukan dengan maksud menghina ugama).*

Penjelasan di atas menegaskan bahawa al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* hendaklah dipelihara kehormatan dan kemuliaannya daripada tercemar oleh sebarang bentuk penghinaan. Perbuatan sengaja mencemar kehormatan dan kemuliaan al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* boleh menyebabkan pelakunya menjadi kafir.

Dalam kitab-kitab ulama mazhab Syafi'i, terdapat penjelasan mengenai hukum menulis ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* pada kain kapan. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah setelah menyebut tentang kewajipan menghormati, memuliakan dan mengagungkan al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* berkata :

**Ertinya** : *Tidak syak lagi bahawasanya menulisnya (al-Qur'an dan Ism Mu'azhzham) dan meletakkannya pada kain kapan mayat terdapat padanya unsur penghinaan.*

Ketika menjawab mengenai persoalan penulisan yang mengandungi *Ism Mu'azhzham* pada kain kapan sebagaimana dalam kitab al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahulllah* ada menyebut pendapat Imam Ibn Shalah *Rahimahullah* yang telah memfatwakan bahawa tidak boleh menulis ayat al-Qur'an seperti surah Yasin atau surah al-Kahf pada kain kapan kerana dikhuatiri terkena najis seperti nanah atau danur mayat (air yang keluar daripada mayat yang telah busuk). Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* cenderung kepada pendapat yang tidak membolehkan penulisan yang mengandungi *Ism Mu'azhzham* pada kain kapan kerana ia akan terdedah kepada najis dan tidak ada riwayat shahih daripada Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai hujah yang menuntut untuk berbuat demikian.

Dalam kitab Hasyiata al-Qalyubi wa 'Umairah, asy-Syaikh al-Qalyubi *Rahimahullah* dengan jelas menyatakan bahawa hukum menulis ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* pada kain kapan adalah haram sebagaimana katanya :

**Ertinya** : *Mereka (ulama) berkata: Haram menuliskan sesuatu daripada (ayat) al-Qur'an atau nama yang diagungkan pada sesuatu yang melekat pada mayat kerana ia akan terkena dengan nanah atau danur mayat.*

Demikian juga dalam kitab Fath al-Mu'in, al-'Allamah Zain ad-Din al-Malibari *Rahimahullah* jelas menyebut :

**Ertinya** : *Dan haram menuliskan sesuatu daripada (ayat) al-Qur'an dan nama-nama Allah Ta'ala pada kain kapan.*

*Nash-nash* di atas jelas menegaskan bahawa menulis ayat al-Qur'an atau *Ism Mu'azhzham* seperti nama Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya pada kain kapan adalah haram dengan alasan kain kapan akan terdedah kepada kotoran seperti darah atau nanah mayat sehingga mencemarkan kehormatan ayat-ayat suci al-Qur'an dan nama-nama yang agung itu.

Adapun penulisan ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* pada kain penutup keranda pula tidak banyak berbeza dengan penulisannya pada kain kapan. Pada kebiasaannya, kedua-duanya dilakukan dengan tujuan *tabarruk*, tetapi pada masa yang sama perkara ini boleh menyebabkan kehormatan dan kemuliaan al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* tercemar.

Menghormati al-Qur'an adalah merupakan kewajipan utama. Justeru, haram meletakkan ayat-ayat suci al-Qur'an di tempat kotor atau hina, membawanya ke tempat yang boleh menyebabkan penghinaan, menjualnya kepada bukan Islam, atau menyentuhnya tanpa wudhu'.

Menurut Fatwa Mufti Kerajaan, penulisan ayat al-Qur'an, doa dan zikir pada kain penutup keranda itu adalah tidak selaras dengan perintah untuk memelihara kehormatan dan kemuliaan ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham*. Sekalipun ada yang beranggapan kemuliaan dan kehormatan ayat-ayat al-Qur'an, doa dan zikir itu boleh dijaga, namun ia tetap boleh terdedah kepada penghinaan seperti disentuh tanpa wudhu', diletak di atas hujung kaki jenazah, terkena najis dan terabai setelah digunakan seperti diletak di atas tanah dan lain-lain perbuatan yang boleh mencemari kemuliaannya. Anggapan bahawa ia memberi manfaat kepada jenazah atau pahala kepada orang hidup tidak boleh dijadikan hujah kerana perkara pahala dan rahmat hanya ditentukan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mesti ada dalil sahih yang menjadi sandarannya.

Sebagai kesimpulan, al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* wajib dihormati. Menghina al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* adalah haram dan boleh menyebabkan pelakunya menjadi kafir. Adapun penulisan ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* pada kain penutup keranda boleh menyebabkan ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* terdedah kepada pencemaran umpama disentuh tanpa wudhu', diletak di atas hujung kaki jenazah, terkena najis atau terabai setelah digunakan seperti diletak di atas tanah dan lain-lain perbuatan yang boleh mencemari kemuliaannya. Oleh yang demikian, menutup keranda dengan kain yang bertulis ayat-ayat al-Qur'an dan *Ism Mu'azhzham* adalah lebih mustahak dihindarkan.

# Bersederhana dalam kehidupan

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

**FIRMAN** Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan, ayat 67 yang mafhumnya :

*"Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya".*

Maksud dengan kesederhanaan ini adalah sikap pertengahan antara dua sikap iaitu sikap kedekut dan boros. Seorang hamba hendaknya jangan menjadi orang yang bakhil dan kikir terhadap diri sendiri dan keluarganya, serta tidak mahu membantu orang yang memerlukan. Namun di waktu yang sama, jangan pula menjadi manusia boros yang membelanjakan harta yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya untuk hal-hal yang tidak pada tempatnya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Israa', ayat 29 yang mafhumnya :

*"Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (bakhil) dan janganlah (pula) engkau menghulurkannya sehabis-habisnya (boros) kerana akibatnya engkau akan jadi tercela dan menyesal".*

Hidup bersederhana adalah amalan yang sangat dituntut dalam agama Islam. Apa sahaja yang kita lakukan mestilah dalam keadaan yang sederhana dan tidak berlebihan. Islam menuntut setiap Muslim supaya berusaha mengejar dan mencari sedapat mungkin keperluan bagi menyempurnakan sebuah kehidupan sama ada di dunia mahupun di akhirat nanti.

Mengamalkan kehidupan yang sederhana dalam segala hal mencerminkan akhlak yang murni dan terpuji. Sifat ini sentiasa menghiasi kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sepanjang hayat Baginda. Oleh itu, sebagai umat Islam, kita sewajarnya mencontohi keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengamalkan kesederhanaan dalam setiap aspek kehidupan.

Kesederhanaan bukan sahaja berkaitan dengan perbelanjaan, malah merangkumi percakapan, pergaulan, ibadah, pemakaian, kerjaya dan kehidupan peribadi. Amalan ini memberikan pelbagai kesan positif kepada diri, antaranya melahirkan sifat tenang dan sabar, membentuk individu yang berdisiplin serta meningkatkan rasa tanggungjawab.

Kesederhanaan juga dapat menginspirasi kita untuk mengembangkan rasa syukur yang lebih dalam. Ketika kita tidak terlalu fokus pada apa yang belum kita miliki atau apa yang kurang dalam hidup kita, kita dapat lebih menghargai apa yang sudah kita miliki. Ini adalah pintu menuju kebahagiaan yang lebih besar, kerana kita belajar untuk merasa bersyukur atas setiap momen, hubungan, dan pencapaian kecil dalam hidup kita.

Ketika kita memilih untuk hidup sederhana, kita memilih untuk melepaskan beban kerunsingan yang sering kali menimpa kita dalam kehidupan yang penuh dengan tuntutan dan tekanan. Ini adalah langkah pertama menuju kebahagiaan yang sejati, kita menemukan kedamaian dalam kesederhanaan, dan hidup dengan penuh kesedaran terhadap dunia di sekitar kita. Jadi, mari kita renungkan dan praktikkan kesederhanaan dalam kehidupan kita masing-masing. Dengan begitu, kita dapat menghapus kebingungan, menemukan kebahagiaan yang lebih dalam dan menjalani kehidupan yang lebih baik dan lebih bererti. Kesederhanaan adalah kunci untuk hidup yang lebih baik dan ini adalah saat yang tepat untuk memulai perjalanan menuju kehidupan yang tenang.

Kesederhanaan merupakan asas kepada kehidupan yang seimbang dan bermakna. Amalan ini dapat memupuk nilai murni seperti rendah hati, bertimbang rasa dan bersyukur. Selain itu, gaya hidup sederhana turut memberikan manfaat dari segi kesihatan, akademik dan sosial. Individu yang mengamalkan kesederhanaan juga lebih mudah menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi tanpa mengalami tekanan yang berlebihan. Oleh itu, kita hendaklah menjadikan kesederhanaan sebagai prinsip dalam kehidupan seharian.

Selain itu, kesederhanaan dapat memupuk rasa syukur dalam diri. Apabila kita tidak terlalu memberi tumpuan kepada perkara yang belum dimiliki atau kekurangan dalam kehidupan, kita akan lebih menghargai nikmat yang telah diperoleh. Dengan itu, kita dapat mensyukuri setiap perkara yang berlaku, termasuk hubungan yang baik, pencapaian dan nikmat kecil dalam kehidupan. Rasa syukur ini seterusnya dapat membawa kepada kebahagiaan yang lebih bermakna.

Kesimpulannya, kesederhanaan hendaklah dijadikan sebagai prinsip dalam kehidupan seharian. Dengan mengamalkan gaya hidup yang sederhana, kita bukan sahaja dapat membentuk akhlak yang baik, malah mampu mencapai kehidupan yang lebih tenang, seimbang dan bahagia. Oleh itu, marilah kita mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan menjadikan kesederhanaan sebagai panduan dalam setiap aspek kehidupan.

# PASTIKAN PEMBELAJARAN DITERUSKAN KETIKA JEREBU

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PARA pelajar Sekolah Menengah Rimba (SMR), Dayang Nurul Aleesya Amani binti Abdullah Mohammad Yusman dan Dayang Nur Siti Khadijah binti Norazlan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 September. - Keadaan berjerebu ketika ini tidak menghalang Sekolah Menengah Rimba (SMR) daripada memastikan pembelajaran para pelajar terus berjalan dengan teratur melalui Pembelajaran Berasaskan Rumah (Home Based Learning-HBL).

Guru Kanan Akademik I, SMR, Awang Amirudin bin Haji Damit berkata, sejak penutupan sekolah pada minggu lepas, para pelajar mengikuti HBL dengan menggunakan pelbagai kaedah dan aplikasi, antaranya WhatsApp, Telegram, Zoom dan Microsoft Teams.

Menurutnya lagi, pada hari ini HBL masih diteruskan bagi semua pelajar, kecuali pelajar Tahun 11 yang mengikuti sesi pembelajaran secara bersemuka di sekolah. Seperti lazimnya, sebelum sesi pembelajaran bermula, para pelajar Tahun 11 akan menunaikan Solat Hajat dan Solat Duha bagi memohon keberkatan serta kelancaran dalam menghadapi pembelajaran dan peperiksaan.

Dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan para pelajar serta guru tambahnya, pihak sekolah turut mengambil beberapa langkah bersesuaian dengan keadaan berjerebu, termasuk menempatkan para pelajar di bilik-bilik yang mempunyai penyaman udara seperti makmal sains, perpustakaan dan bilik-bilik khas yang lain, selain memakai sungkup muka ketika berada di luar bilik darjah.

Awang Amirudin seterusnya menjelaskan, pihak sekolah sentiasa memastikan persediaan para pelajar, khususnya pelajar yang bakal menduduki Peperiksaan GCE 'O' Level, tidak terjejas walaupun berlaku perubahan tidak diduga dalam kaedah pembelajaran.

"Guru-guru memastikan sesi pembelajaran dan ulang kaji diteruskan mengikut perancangan, di samping menyediakan latihan, nota dan bimbingan yang mencukupi, terutama bagi topik-topik penting peperiksaan.

"Bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta interaktif turut disediakan bagi membantu para pelajar memahami isi pembelajaran dengan lebih jelas dan teratur.

"Guru-guru juga sentiasa memberikan nasihat dan kata-kata semangat agar para pelajar tidak mudah berputus asa, sebaliknya terus bersemangat dan berusaha bagi mencapai keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan GCE 'O' Level pada tahun ini," ujarnya lagi.

Beliau menambah, ibu bapa dan penjaga turut memainkan peranan penting dalam mendukung dan mendorong anak-anak untuk terus rajin berusaha, khususnya ketika pembelajaran dilaksanakan dari rumah.

Awang Amirudin turut menyarankan ibu bapa dan penjaga supaya sentiasa memantau pembelajaran anak-anak di rumah dengan menyediakan persekitaran yang selesa serta memastikan mereka mengikuti sesi HBL yang telah ditetapkan.

Kerjasama yang baik antara guru, ibu bapa dan penjaga jelasnya lagi, akan membantu para pelajar menjadi lebih yakin, berdisiplin dan bersedia menghadapi Peperiksaan GCE 'O' Level walaupun berhadapan dengan perubahan dalam kaedah pembelajaran.



ANTARA pelajar yang mengikuti sesi pembelajaran secara bersemuka di sekolah.

Sementara itu Dayang Nur Siti Khadijah binti Norazlan, pelajar Tahun 11, berkata beliau membuat persediaan menghadapi peperiksaan dengan memperbanyakkan latihan praktikal, khususnya bagi mata pelajaran seperti Matematik, selain menjawab kertas soalan tahun-tahun lalu yang diberikan oleh guru.

Beliau turut menggunakan peta minda bagi memudahkan pemahaman dan mengingati topik-topik penting, di samping memastikan waktu tidur, pemakanan dan minuman yang mencukupi supaya tubuh badan dan fikiran sentiasa bersedia untuk belajar.

Manakala bagi Dayang Nurul Aleesya Amani binti Abdullah Mohammad Yusman pula menjelaskan, pelaksanaan HBL sedikit mencabar dari segi mendapatkan bimbingan secara langsung daripada guru.

Bagaimanapun, beliau memanfaatkan kertas soalan tahun-tahun lalu yang diberikan oleh guru bagi membiasakan diri dengan format soalan, mengenal pasti bahagian yang masih lemah serta mengukuhkan pemahaman.

Dalam pada itu, para pelajar dinasihatkan supaya mengurangkan aktiviti di luar, memakai sungkup muka apabila perlu, minum air yang mencukupi dan mendapatkan rehat yang secukupnya.

Para pelajar juga hendaklah segera memaklumkan kepada guru atau ibu bapa sekiranya berasa kurang sihat bagi memastikan kesihatan sentiasa terjaga sepanjang keadaan berjerebu.



GURU Kanan Akademik I, SMR, Awang Amirudin bin Haji Damit.

# Amalkan langkah pencegahan ketika cuaca panas kering

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 September. - Dalam menghadapi cuaca panas kering yang melanda negara, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa menjaga kesihatan diri dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang sesuai.

Langkah-langkah tertentu bagi memastikan kesihatan sentiasa terpelihara adalah antaranya, dengan memperbanyakkan minum air putih untuk mengelakkan dehidrasi.

Cuaca panas dan kering boleh menyebabkan badan kehilangan air dengan cepat, sekali gus meningkatkan risiko terkena strok haba dan masalah kesihatan lain.

Justeru itu, kita disarankan untuk minum sekurang-kurangnya lapan gelas air sehari, dan memastikan minuman berkenaan bersih serta bebas daripada bahan berbahaya. Elakkan pengambilan minuman beralkohol dan berkafein yang boleh menyebabkan kehilangan air daripada badan.

Selain itu, menggelakkan melakukan aktiviti fizikal di luar rumah ketika matahari sedang panas, iaitu antara pukul 10.00 pagi hingga 4.00 petang. Jika perlu, lakukan aktiviti berkenaan pada waktu pagi atau lewat petang apabila cuaca lebih sejuk.



DENGAN pengambilan makanan yang berserat tinggi, buah-buahan segar, dan sayur-sayuran dapat membantu mengekalkan tenaga serta mengurangkan rasa dahaga.

Bahkan, kita disarankan untuk mengenakan pakaian yang menutup tetapi lembut. Pilih pakaian yang berwarna cerah dan longgar untuk membantu mengurangkan suhu badan. Pakaian yang diperbuat daripada bahan kapas atau kain yang bernafas mampu menyerap peluh dan membolehkan badan bernafas dengan lebih baik.

Seterusnya, mengamalkan makan makanan berkhasiat dan ringan. Dengan pengambilan makanan yang berserat tinggi, buah-buahan segar, dan sayur-sayuran dapat membantu mengekalkan tenaga serta mengurangkan rasa dahaga.

Dengan mengamalkan langkah-langkah berkenaan, kita dapat melindungi diri daripada risiko kesihatan yang berpunca daripada cuaca panas kering. Orang ramai dapat kekal sihat dan mengelakkan komplikasi kesihatan sepanjang musim panas dan kering ini.



ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤپاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

4.30 petang — PUSAKA Lawan A.M.D.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan S.O.A.S.C. 4.55 petang—IBB Lawan S.O.A.S.C. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan PERKASA. 5.20 petang—BAKTI Lawan PERKASA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan SRI TANJONG. 5.45 petang — KUBU Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan IBB. 6.10 petang—A.M.D.B. Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras—S.O.A.S.C. dan BAKTI. 6.35 petang — S.O.A.S.C. Lawan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan BOMBA. 7.00 malam — SRI TANJONG Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras—PUSAKA dan KUBU. 7.25 malam — PUSAKA Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan IBB.

**PASOKAN "B"**
**HARI JUMA'AT**
**9 SEPTEMBER:**

4.30 petang — A.M.D.B. Lawan PERANGKAB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PULIS dan SRI TANJONG. 4.55 petang — PULIS Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SULTAN LAMA dan BAKTI. 5.20 petang — SULTAN LAMA Lawan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BOMBA dan IBB. 5.45 petang — BOMBA Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras—PERANGKAB dan PULIS. 6.10 petang —PERANGKAB Lawan PULIS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan SULTAN LAMA. 6.35 petang — SRI TANJONG Lawan SULTAN LAMA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan BOMBA. 7.00 malam — BAKTI Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan IBB. 7.25 malam — A.M.D.B. Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan PULIS.

**HARI SABTU**
**10 SEPTEMBER:**

4.30 petang — PERKASA Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan IKLS. 4.55 petang — PUSAKA Lawan IKLS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — P.G.G.M.B. dan INSAP. 5.20 petang—P.G.G.M.B. Lawan INSAP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan BAKTI. 5.45 petang — A.M.D.B. Lawan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan PUSAKA. 6.10 petang — KUBU Lawan PUSAKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IKLS dan P.G.G.M.B. 6.35 petang — IKLS Lawan P.G.G.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — INSAP dan M.P.M.B. 7.00 malam — INSAP Lawan M.P.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERKASA dan 3PKA. 7.25 malam — PERKASA Lawan 3PKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras—KUBU dan PUSAKA.

**HARI ISNIN**
**12 SEPTEMBER:**

4.30 petang — SUMBILING Lawan S.O.A.S.C. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan S.M.M.P. 4.45 petang — A.M.D.B. Lawan S.M.M.P. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — TIBA dan IBB. 5.20 petang — TIBA Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan SULTAN LAMA. 5.45 petang — PERANGKAB Lawan SULTAN LAMA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — S.O.A.S.C. dan A. M. D. B. 6.10 petang — S.O.A.S.C. Lawan A.M.D.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan PERANGKAB. 6.35 petang—A.M.D.B. Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi Teras—SUMBILING dan SULTAN LAMA. 7.00 malam — IBB Lawan PERANGKAB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan TIBA. 7.25 malam — SUMBILING Lawan SULTAN LAMA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan PERANGKAB.

**HARI SELASA**
**13 SEPTEMBER:**

4.30 petang — BAKTI Lawan PUSAKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras—SRI TANJONG dan 3 PKA. 4.55 petang — SRI TANJONG Lawan 3PKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras—KUBU dan PULIS. 5.20 petang—KUBU Lawan PULIS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SUMBILING dan P.G.G.M.B. 5.45 petang — SUMBILING Lawan P.G.G.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan SRI TANJONG. 6.10 petang — PUSAKA Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — 3PKA dan KUBU. 6.35 petang — 3PKA Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras—PULIS dan SUMBILING. 7.00 malam — PULIS Lawan SUMBILING. Penjaga Garisan Tepi dan Teras—BAKTI dan P.G.G.M.B. 7.25 malam — BAKTI Lawan P.G.G.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan SRI TANJONG.



Awang R.F. McLennon kelihatan menziarahi D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan sa-lepas Baginda mengurniakan Bintang S.L.J. kapada beliau di-Istana Darul Hana baru2 ini.

## Mendapat Kurniaan Bintang S.L.J.

**BANDAR BRUNEI, — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Bintang Sri Laila Jasa (S.L.J.), Darjah Ketiga kapada Awang R. F. McLennon.**

**Istiadat mengurniakan Bintang tersebut telah di-langsongkan di-Istana Darul Hana pada hari Sabtu 27 Ogos, 1966.**

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 September hingga ka-hari Selasa 13 September, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 Sept. | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.45 | 6.12 |
| 8 Sept. | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.45 | 6.12 |
| 9 Sept. | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.45 | 6.12 |
| 10 Sept. | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |
| 11 Sept. | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |
| 12 Sept. | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |
| 13 Sept. | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.




# Pelajari Al-Quran melalui teknologi

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Tazrah Digital Sendirian Berhad

**K**EMAJUAN dan perkembangan pesat era teknologi ketika ini memberikan impak yang sangat signifikan dalam kehidupan seharian kita. Begitu juga dengan teknologi aplikasi mudah alih yang ketika ini nampaknya menjadi sebahagian dari kehidupan. Menyedari akan hal ini, salah sebuah syarikat teknologi Islam tempatan, Tazrah Digital Sendirian Berhad telah mengambil inisiatif membangunkan satu aplikasi pembelajaran Al-Quran dengan aspirasi untuk membantu individu setiap hari membaca Al-Quran dengan lebih yakin. Platform ini menggabungkan teknologi Kecerdasan Buatan (AI), silibus pembelajaran yang tersusun serta bimbingan asatizah bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam satu aplikasi mudah alih. Sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap ketepatan dan kesahihan kandungan, Tazrah telah melalui proses semakan dan penapisan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) sebelum dilancarkan kepada orang ramai.

### Tazrah Mobile Apps

Mula dilancarkan secara komersial pada 1 Muharam 1448 Hijrah, Tazrah Mobile Apps atau Tazrah mengambil pendekatan hibrid yang menggabungkan teknologi digital dengan bimbingan manusia. Antara komponen utama yang telah dibangunkan ialah Silibus Pembelajaran Tersusun; Murajaah AI dan Hantar Bacaan, manakala Sistem Tempahan Asatizah sedang dalam proses dimajukan.

### Silibus Pembelajaran Tersusun

Pengguna mengikuti pembelajaran secara berperingkat bermula daripada asas *hijaiyyah*, diikuti *tahsin* bagi memperbaiki kelancaran bacaan dan seterusnya tajwid bagi meningkatkan ketepatan bacaan. Keseluruhan struktur pembelajaran merangkumi 112 pelajaran, 112 latihan, 31 set praktikal, tiga peperiksaan peringkat dan satu peperiksaan akhir. Pendekatan ini membolehkan pengguna mengetahui perkembangan pembelajaran mereka secara berperingkat dan lebih tersusun.

### Murajaah AI

Tazrah membangunkan teknologi AI sendiri yang dilatih khusus dengan mengambil kira sebutan dan loghat Melayu. Melalui Murajaah AI, pengguna boleh berlatih sebutan membaca ayat Al-Quran melalui aplikasi dan menerima maklum balas dalam tempoh kurang daripada tiga saat mengenai ketepatan bacaan pada peringkat huruf. Teknologi ini tidak menggantikan peranan guru atau asatizah dan tidak digunakan sebagai penentu keseluruhan hukum tajwid. Sebaliknya, ia berfungsi sebagai alat latihan sendiri bagi membantu pengguna mengenal pasti kesilapan asas, berlatih secara konsisten dan membina keyakinan sebelum mendapatkan semakan daripada asatizah.

### Hantar Bacaan

Tazrah turut membawa konsep halaqah tradisional ke dalam bentuk digital melalui fungsi Hantar Bacaan. Pengguna boleh merakam dan menghantar bacaan Al-Quran kepada asatizah bertauliah MUIB untuk semakan. Maklum balas diberikan dalam tempoh 24 jam pada hari bekerja. Pendekatan ini memastikan hubungan antara pelajar dengan guru terus menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran walaupun latihan dilakukan secara digital.

### Sistem Tempahan Asatizah

Sebagai sebahagian daripada fasa pembangunan seterusnya, Tazrah sedang membangunkan Sistem Tempahan Asatizah secara terus melalui aplikasi. Sistem ini akan membolehkan pengguna menempah sesi pembelajaran Al-Quran secara persendirian bersama asatizah, termasuk sesi bersemuka dan perkhidmatan pembelajaran di rumah. Selain memberi pilihan pembelajaran yang lebih fleksibel kepada masyarakat, inisiatif ini juga dirancang untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan tambahan kepada asatizah serta graduan pengajian Islam tempatan. Dalam jangka panjang, Tazrah berhasrat membina satu ekosistem pembelajaran yang menghubungkan teknologi, pengguna, asatizah dan institusi dalam satu platform.

### Pengiktirafan BICTA 2026

Pada 27 Ogos 2026, Tazrah telah dinobatkan sebagai Juara Kategori Consumer & Business Services dalam Brunei ICT Awards (BICTA) 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Pengiktirafan tersebut merupakan pencapaian kebangsaan pertama Tazrah selepas sekitar dua bulan dilancarkan secara komersial. Bagi pasukan Tazrah, pencapaian ini menjadi dorongan untuk terus membangunkan teknologi Islam yang bertanggungjawab, memberi manfaat kepada masyarakat dan pada masa yang sama menunjukkan keupayaan anak tempatan Brunei dalam menghasilkan produk teknologi yang berpotensi berkembang ke peringkat antarabangsa.

### Pencapaian antarabangsa

Walaupun Tazrah belum menjalankan kempen pemasaran berskala besar di luar Negara Brunei Darussalam (NBD), aplikasi ini telah digunakan oleh pengguna dari 29 buah negara. Selain NBD, penggunaan turut direkodkan dari Malaysia, Singapura, Indonesia, Arab Saudi, Mesir, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun, India dan beberapa negara lain. Perkembangan ini memberikan petunjuk awal bahawa pendekatan pembelajaran digital yang dibangunkan di negara ini mempunyai potensi untuk digunakan oleh komuniti Muslim yang lebih luas.

### Penutup

Pendekatan Tazrah berteraskan prinsip bahawa teknologi berfungsi sebagai alat sokongan kepada pembelajaran dan bukan sebagai pengganti kepada guru atau asatizah. Teknologi digunakan untuk membantu pengguna berlatih dengan lebih konsisten, manakala bimbingan dan semakan manusia kekal sebagai komponen penting dalam proses pembelajaran. Dengan pencapaian yang telah diperoleh oleh Tazrah telah membuktikan bahawa teknologi Islam yang dibangunkan oleh anak tempatan mampu memberi manfaat kepada masyarakat serta mempunyai potensi untuk berkembang ke pasaran serantau dan antarabangsa. Apa yang diharapkan dengan adanya keseimbangan antara kecanggihan teknologi dan sentuhan manusia seperti usaha yang dilakukan oleh Tazrah ini akan dapat membuka lembaran baharu dalam pembelajaran Al-Quran. Marilah kita bersama-sama memanfaatkan inovasi ini untuk mendekatkan kita kepada kitab suci dengan membuat satu langkah satu bacaan dalam kehidupan harian kita.

# 2 SYARIKAT DIKENAKAN TINDAKAN DENDA KOMPAUN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong




**UNIT Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong mengeluarkan denda kompaun ke atas dua buah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) (atas dan bawah).**

**TUTONG**, Isnin, 7 September. – Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong (JDT) telah mengeluarkan denda kompaun ke atas dua buah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Sambal Q Restoran dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000 (sekala besar) di bawah Bab 12(1) (c) kerana melakukan kesalahan berkenaan di kawasan Kampung Bukit Sibut, Tanjong Maya, Tutong.

Manakala Baiq YY Restoran dan Katering pula dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000 (sekala besar) di bawah Bab 12(1) (c) kerana melakukan kesalahan berkenaan di kawasan Kampung Layong Lamunin, Tutong.

Kedua-dua syarikat berkenaan dikehendaki untuk menjelaskan denda kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda berkenaan dalam masa tujuh hari daripada tarikh denda kompaun dikeluarkan maka syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, JDT ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat pemaju dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.







## Kenali Bahasa Brunei

**mangabab / mangabap /** bermaksud menelungkup atau berbaring dengan dada, perut, dan muka mengarah ke tanah.

Contoh pemakaian kata : mun ia ngalih, iatah kausulannya tu tidur ***mangabab***.

**aban** bermaksud perangkap monyet berbentuk seperti reban ayam yang dibuat daripada buluh dan berinjap di bahagian atas.

Contoh pemakaian kata : buatkan ku ***aban***, kan ku taruh di kabun ah, banyak ambuk marusahkan tanamanku di sana atu.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

## Selera KAMPONG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

# Apam Mekar

## RPN Kampung Rimba

**BAHAN-BAHANNYA :**

3 biji telur Gred A / B
250g gula
300g tepung gandum
1 sb *ovalette special*
1 sk esen vanila
150ml air aiskrim soda F&N
Pewarna merah jambu dan hijau (boleh ikut cita rasa masing-masing)

**CARA-CARA MEMASAK :**

Pukul dahulu telur, gula, *ovalette* dan esen vanila hingga putih, kembang dan gebu. Kemudian masukkan tepung gandum dan air aiskrim soda lalu pukul rata. Setelah itu bahagikan kepada 3 bahagian iaitu satu yang asal, satu warna merah jambu dan satu lagi warna hijau. Kemudian masukkan cawan kertas ke dalam acuan lompang lalu tuangkan adunan yang telah dibahagikan ke dalam acuan hingga penuh. Panaskan air hingga mendidih terlebih dahulu kemudian baru kukus dengan api yang kuat selama 10 ke 15 minit.

قليتا بروني PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# AMARAN TANAH RUNTUH TAHAP TERTINGGI DI PULAU NIIJIMA, JEPUN

**TOKYO**, 7 Sept. - Agensi kaji cuaca Jepun pada Isnin mengeluarkan amaran tanah runtuh tahap tertinggi bagi Pulau Niijima, yang terletak di selatan Tokyo, susulan hujan lebat, lapor Xinhua.

Agensi Meteorologi Jepun (JMA) mengeluarkan amaran kecemasan Tahap 5 bagi kejadian tanah runtuh di pulau itu selepas 381 milimeter hujan direkodkan dalam tempoh 24 jam sehingga 5.20 pagi waktu tempatan pada Isnin.

Hujan lebat turut melanda kawasan timur Jepun, termasuk Tokyo, sejak awal pagi Isnin berikutan musim hujan yang melanda.

JMA turut mengeluarkan amaran tanah runtuh Tahap 4 bagi beberapa kawasan di wilayah Chiba dan Saitama, yang bersempadan dengan Tokyo serta bahagian tengah wilayah Fukushima.

Amaran turut diberikan mengenai kemungkinan hujan lebih lebat berlaku di kawasan luas yang menghadap Lautan Pasifik berikutan kemasukan udara panas dan lembap yang menghampiri garisan hadapan hujan di sepanjang pulau utama Honshu.

Penduduk di kawasan terjejas turut diminta agar terus berwaspada terhadap risiko tanah runtuh dan bencana lain. - ©BERNAMA

# AI jadi tumpuan utama Ekspo Perdagangan Digital Global Ke-5

**BEIJING**, 8 Sept. - Ekspo Perdagangan Digital Global kelima, acara yang bertujuan menggalakkan perdagangan digital dan kerjasama industri akan berlangsung dari 23 hingga 27 Sept di Hangzhou, ibu kota wilayah Zhejiang di timur China, dengan kecerdasan buatan (AI) sebagai tema utama, menurut seorang pegawai pada Isnin, lapor Xinhua.

Timbalan Menteri Perdagangan China Yan Dong berkata lebih satu pertiga pempamer akan memberi tumpuan kepada AI, selain pelancaran secara serentak pangkalan perintis aplikasi AI yang mengetengahkan ekosistem inovasi menyeluruh merangkumi model asas, aplikasi industri dan peranti pintar.

Malaysia dan Hungary akan menjadi negara tetamu kehormat, manakala wakil dari 121 negara dan wilayah serta 29 organisasi antarabangsa mengesahkan penyertaan. Ekspo itu akan menyediakan ruang pameran seluas 170,000 meter persegi, dengan pempamer antarabangsa merangkumi lebih 20 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Jumlah pavilion luar negara setakat ini melebihi jumlah keseluruhan bagi semua edisi terdahulu. Ekspo itu setakat ini menarik hampir 40,000 pembeli profesional, termasuk lebih 12,000 dari luar negara, dengan nilai tempahan perolehan antarabangsa dijangka mencecah US$977 juta.

Nilai perdagangan perkhidmatan China yang boleh disampaikan secara digital berkembang pada kadar purata tahunan 11.2 peratus antara 2016 hingga 2025, mengatasi purata global sebanyak 1.8 mata peratusan. - ©BERNAMA

# Republik Korea : Lelaki ditahan selepas wanita hilang ditemukan maut dalam peti sejuk beku kafe

**PAJU (REPUBLIK KOREA)**, 7 Sept. - Polis Republik Korea pada Isnin menahan seorang suspek selepas menemukan mayat seorang wanita yang dilaporkan hilang di dalam peti sejuk beku sebuah kafe di bandar Paju, utara negara itu, lapor Yonhap News Agency.

Polis berkata laporan kehilangan wanita berusia lingkungan 60-an itu diterima di Seoul pada awal Jumaat.

Selepas menjejaki keberadaannya, polis menemukan mayat wanita itu di dalam peti sejuk beku di kafe berkenaan di Paju pada hari sama.

Pengendali kafe itu ditahan di Seoul pada Jumaat.

Polis percaya lelaki berkenaan mengurung wanita itu di dalam peti sejuk beku dan kini menyiasat keadaan serta punca di sebalik kejadian berkenaan.

Identiti suspek belum didedahkan. - ©BERNAMA

# Penunjuk perasaan bertempur dengan polis di Portsmouth, UK berikutan kemasukan signifikan pendatang - Laporan

**MOSCOW,** 7 Sept. - Ratusan penunjuk perasaan bertempur dengan polis di Portsmouth, England, susulan ketibaan 140 pendatang haram yang menyeberangi Selat Inggeris, lapor Sputnik/RIA Novosti yang memetik akhbar harian Britain, The Telegraph.

Sebelum ini, Sky News melaporkan bahawa pihak penguat kuasa undang-undang Britain telah memintas sebuah bot yang membawa 140 pendatang secara haram di Selat Inggeris. Selepas bot itu dihentikan di laluan berkenaan, penumpangnya telah dilencongkan ke Portsmouth.

Menurut akhbar itu, penunjuk perasaan menyekat satu-satunya jalan laluan masuk ke jeti yang dipercayai tempat menempatkan pendatang yang tiba. Polis menggunakan perisai dan semburan pemedih mata, namun gagal menolak penunjuk perasaan keluar dari jeti berikutan bilangan mereka yang lebih ramai.

Pada 2025, lebih 41,000 imigran tiba secara haram di UK menaiki bot menyeberangi Selat Inggeris, bilangan kedua tertinggi pernah direkodkan selepas paras tertinggi pada 2022. - ©BERNAMA

# Kebakaran belukar cetus amaran kualiti udara 'tidak sihat' di Brisbane

**SYDNEY**, 7 Sept. - Amaran kualiti udara dikeluarkan pada pagi Isnin di kawasan tengah Brisbane susulan asap daripada kebakaran belukar berhampiran, lapor Xinhua.

Jabatan Alam Sekitar Queensland memaklumkan kualiti udara di Daerah Pusat Perniagaan (CBD) Brisbane berada pada tahap "sangat tidak sihat" pada awal pagi Isnin, menyebabkan penduduk dinasihatkan supaya mengelakkan aktiviti fizikal di luar serta menutup pintu dan tingkap.

Setakat 8 pagi Waktu Siang Timur Australia, kualiti udara di tengah Brisbane berada pada tahap "tidak sihat", namun kawasan pinggir selatan bandar itu kekal pada tahap "sangat tidak sihat" akibat asap daripada kebakaran di selatan dan barat Brisbane.

Australian Broadcasting Corporation melaporkan sebanyak 78 kebakaran belukar masih berlaku di seluruh tenggara Queensland setakat malam Ahad dalam keadaan cuaca panas dan kering, dengan tiga daripadanya dipantau rapi oleh jabatan bomba.

Jabatan Bomba Queensland menerusi nasihat kecemasan mengingatkan penduduk berhampiran kawasan kebakaran di Ripley, kira-kira 32 kilometer di barat daya pusat Brisbane, supaya terus mengikuti perkembangan semasa dan berada di dalam rumah sekiranya asap semakin tebal.

Sementara itu, Biro Meteorologi merekodkan suhu maksimum 34.4 darjah Celsius di Brisbane pada Ahad, menjadikannya hari September paling panas di bandar itu sejak 2019. - ©BERNAMA

# Dua maut, pesawat ringan terhempas di timur Australia

**SYDNEY,** 7 Sept. - Dua maut selepas sebuah pesawat ringan terhempas di selatan Brisbane, timur Australia pagi Isnin, lapor Xinhua.

Pasukan kecemasan dikerahkan ke lokasi nahas melibatkan pesawat Beechcraft A36 Bonanza itu, kira-kira 30 kilometer di selatan pusat bandar Brisbane, sejurus selepas 11 pagi waktu tempatan.

Pihak berkuasa mengesahkan pada petang itu, dua orang terkorban dalam nahas tersebut yang turut mencetuskan kebakaran rumput sehingga mengambil masa sejam untuk dikawal oleh pasukan petugas.

Ketua Penguasa Polis Mel Adams memberitahu pemberita, situasi amat menyayat hati bagi anggota penyelamat yang tiba di lokasi, dan beliau meminta sesiapa yang menyaksikan pesawat itu terhempas supaya segera menghubungi pihak penyiasat.

Media tempatan melaporkan pesawat itu berlepas dari lapangan terbang berhampiran kira-kira 10 minit sebelum kemalangan berlaku.

Biro Keselamatan Pengangkutan Australia menyatakan pihaknya telah menghantar sepasukan tiga penyiasat untuk memeriksa bangkai pesawat, mendapatkan semula komponen serta menemu bual saksi dan pihak terlibat. - ©BERNAMA

# Angka korban bangunan runtuh di Delhi meningkat kepada 5

**NEW DELHI**, 7 Sept. - Angka korban kejadian bangunan bertingkat runtuh di Delhi meningkat kepada lima orang, dengan pasukan penyelamat masih berusaha mencari mangsa yang dikhuatiri terperangkap di bawah runtuhan, lapor Xinhua.

Menurut sumber rasmi, bangunan itu runtuh kira-kira 1.30 tengah hari pada Ahad di kawasan Satya Niketan, selatan Delhi ketika kerja pembaikan sedang dijalankan di bahagian bawah tanah.

Antara yang maut ialah dua pelajar, manakala kira-kira enam mangsa yang cedera dilaporkan sedang menerima rawatan di sebuah hospital tempatan. Perdana Menteri Narendra Modi melahirkan rasa dukacita atas kejadian itu dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa.

"Kejadian bangunan runtuh di Satya Niketan, Delhi amat mendukacitakan. Takziah kepada mereka yang kehilangan insan tersayang. Saya mendoakan mangsa yang cedera segera sembuh," kata beliau menerusi hantaran di X. - ©BERNAMA

# 10 maut, 64 cedera dalam letupan bahan piroteknik di Mexico Tengah

**MEXICO CITY**, 7 Sept. - Sekurang-kurangnya 10 orang terbunuh dan 64 lagi cedera selepas bahan piroteknik yang disimpan meletup pada malam Sabtu semasa sambutan perayaan Santo di Temascalcingo, State of Mexico (di bahagian tengah negara Mexico), menurut pengesahan kerajaan negeri pada Ahad, lapor Xinhua.

Kejadian berlaku kira-kira 9.30 malam waktu tempatan pada Sabtu (0330 GMT Ahad) di sebuah gereja, menurut kenyataan kerajaan negeri. Letupan tersebut menyebabkan sebahagian bumbung gereja dan dinding berhampiran runtuh, mengakibatkan beberapa orang tertimbus di bawah runtuhan.

Lapan daripada mangsa meninggal dunia di tempat kejadian manakala mereka yang cedera dikejarkan ke hospital berhampiran kawasan perbandaran itu, menurut laporan. Anggota perlindungan awam, tentera dan polis negeri bertindak balas terhadap kecemasan itu serta mengaktifkan protokol keselamatan.

Institut Piroteknik State of Mexico telah memeriksa lokasi kejadian bagi mengesan bahan letupan aktif dan menyarankan agar pakar meleraikan serta mematikan bahan terbabit bagi mengurangkan risiko. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# 3 LAPANGAN TERBANG INDONESIA SAMBUNG OPERASI SELEPAS PENUTUPAN AKIBAT ABU ANAK KRAKATAU

**JAKARTA**, 8 Sept. - Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta dan dua lagi lapangan terbang di Indonesia kembali beroperasi awal Selasa selepas pihak berkuasa mengisytiharkan keadaan selamat, sekali gus menamatkan penutupan sejak Ahad akibat abu Gunung Berapi Anak Krakatau.

Pengendali lapangan terbang, InJourney Airports memaklumkan lapangan terbang utama Jakarta, Soekarno-Hatta di Tangerang kembali beroperasi pada 12.30 tengah malam waktu tempatan, diikuti Lapangan Terbang Halim Perdanakusuma di Jakarta pada 12.40 tengah malam dan Lapangan Terbang Husein Sastranegara di Bandung pada 12.42 tengah malam.

Syarikat itu berkata keputusan berkenaan dibuat selepas pihak berkuasa penerbangan dan meteorologi menilai keadaan susulan letusan Anak Krakatau dan mengesahkan operasi boleh disambung semula dengan selamat.

"Kami menggesa semua penumpang supaya sentiasa menyemak status penerbangan masing-masing dan menghubungi syarikat penerbangan mereka untuk mendapatkan maklumat terkini," menurut InJourney Airports dalam hantaran di akaun Instagram rasminya.

Operasi disambung semula selepas abu gunung berapi daripada Anak Krakatau memaksa pihak berkuasa Indonesia menutup sementara beberapa lapangan terbang, sekali gus mengganggu ratusan penerbangan dan menjejaskan ribuan penumpang sepanjang hujung minggu.

Sementara itu, Gunung Anak Krakatau meletus tiga kali pada pagi Selasa ketika pihak berkuasa Indonesia terus memantau aktiviti gunung berapi itu.

Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi (PVMBG) Indonesia merekodkan letusan pada 5.08 pagi, 5.34 pagi dan 7.49 pagi waktu tempatan. Anak Krakatau kekal pada Tahap III, iaitu tahap kedua tertinggi dalam sistem amaran gunung berapi empat peringkat Indonesia.

Di lokasi lain di Indonesia, dua lagi gunung berapi pada Tahap III turut meletus pada Selasa, dengan Gunung Ibu di Maluku Utara merekodkan tiga letusan, manakala Ili Lewotolok di Nusa Tenggara Timur memuntahkan abu kelabu kira-kira 800 meter di atas puncaknya, menurut PVMBG.

Ketiga-tiga gunung berapi itu terletak di kawasan berbeza di kepulauan Indonesia, dengan Anak Krakatau di Selat Sunda di barat Indonesia, Gunung Ibu di Maluku Utara dan Ili Lewotolok di Pulau Lembata, Nusa Tenggara Timur. - ©BERNAMA

# Amaran taufan dikeluarkan di Hawaii susulan Taufan Lowell

**LOS ANGELES**, 8 Sept. - Amaran taufan dikeluarkan bagi beberapa kawasan di Hawaii ketika Taufan Lowell menghampiri bahagian barat kepulauan itu, manakala amaran ribut tropika turut dikuat kuasa di Oahu, menurut kemas kini terbaharu Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS) dan Pusat Taufan Kebangsaan (NHC) Amerika Syarikat (AS) pada Isnin.

Pejabat NWS Honolulu memaklumkan amaran itu kini berkuat kuasa di Kauai, Niihau serta perairan sekitarnya di bahagian utara, selatan dan barat.

NHC meramalkan pusat Taufan Lowell akan bergerak berhampiran atau di sebelah barat Niihau pada malam Isnin hingga awal Selasa.

Keadaan dijangka bertambah buruk pada petang Isnin, dengan tiupan angin kencang diramal berlaku di puncak gunung serta lereng.

Taufan Lowell juga dijangka menyebabkan banjir kilat dan tanah runtuh, terutama di Kauai County serta beberapa kawasan di Big Island, menurut NHC.

NHC turut memberi amaran bahawa ombak besar akibat Taufan Lowell dijangka menyebabkan keadaan laut berbahaya serta arus deras yang boleh mengancam nyawa di kebanyakan kepulauan Hawaii dalam beberapa hari akan datang. - ©BERNAMA

# Lima maut dalam kemalangan jalan raya di utara China

**HOHHOT**, 8 September. - Lima orang maut selepas sebuah lori mengalami kegagalan brek ketika menjalani ujian di laluan mendaki sebelum berundur dan melanggar sebuah van mini di Wilayah Autonomi Mongolia Dalam, utara China, pada Isnin, menurut pihak berkuasa tempatan pada Selasa.

Kemalangan berlaku di sebuah tapak ujian di Alxa Left Banner kira-kira jam 7.00 malam Isnin, apabila lori berkenaan yang sedang menjalani ujian di laluan mendaki mengalami kegagalan brek lalu mengundur sebelum melanggar van mini yang berada di belakangnya untuk mengumpul data ujian.

Sehingga kira-kira jam 11.00 malam Isnin, kesemua lima individu yang berada di dalam van mini berkenaan disahkan meninggal dunia.

Siasatan lanjut berhubung kemalangan tersebut sedang dijalankan.- ©XINHUA

# Angka korban letupan di kemudahan tentera Bolivia meningkat kepada 7

**ISTANBUL**, 8 Sept. - Angka korban akibat dua letupan di sebuah berek tentera di perbandaran Viacha, Bolivia meningkat kepada tujuh pada Isnin ketika pasukan penyelamat meneruskan pencarian tujuh orang yang masih hilang, menurut pihak berkuasa, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Mangsa terbaharu dikenal pasti sebagai Sarjan Freddy Mauro Quisbert Vega, yang mayatnya ditemukan di bawah runtuhan kemudahan berkenaan, menurut Kementerian Pertahanan Bolivia.

Letupan berlaku pada Jumaat di Pusat Penyelenggaraan Am Rejimen Artileri Mekanis RAM-2 Bolivar di Viacha, kira-kira 30 kilometer (18.6 batu) dari ibu negara La Paz. Sekurang-kurangnya 84 orang cedera menurut pihak berkuasa, manakala kediaman berhampiran turut rosak akibat kekuatan letupan dan penduduk dipindahkan sementara.

Operasi menyelamat diteruskan di tengah-tengah kebimbangan keselamatan berhubung bahan ketenteraan yang belum meletup di lokasi kejadian. Pihak berkuasa menggesa supaya langkah berjaga-jaga diambil ketika pasukan membersihkan runtuhan dan mencari anggota yang masih hilang.

Punca letupan masih disiasat. Laporan awal menyatakan letupan pertama berlaku di kawasan penyimpanan bahan piroteknik, manakala punca letupan kedua yang lebih kuat masih dalam siasatan.

Presiden Rodrigo Paz pada Isnin mengumumkan bahawa kerajaan akan mengisytiharkan tempoh berkabung nasional susulan kematian berkenaan. Beliau turut mengarahkan siasatan dijalankan terhadap insiden itu.

Letupan itu menyebabkan kerosakan besar pada kompleks tentera dan kediaman di sekitarnya, sekali gus menimbulkan kebimbangan mengenai penyimpanan serta pengendalian bahan letupan di kemudahan tentera.

Pihak berkuasa masih belum memberikan penilaian akhir mengenai kerosakan harta benda atau memaklumkan bila operasi mencari dan menyelamat akan ditamatkan. - ©BERNAMA

# Platform 'E-dagang Jalan Sutera' pemangkin baharu kerjasama BRI

**BEIJING**, 8 Sept. - Platform 'E-dagang Jalan Sutera' menjadi pemangkin baharu kepada kerjasama di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI), selain membuka ruang baharu bagi menggalakkan pembangunan inklusif sektor e-dagang di peringkat global, menurut Kementerian Perdagangan China (MOFCOM).

MOFCOM dalam sidang media pada Isnin memaklumkan bahawa sepanjang 10 tahun lalu, platform itu berjaya membentuk rangkaian kerjasama yang meluas, termasuk menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) mengenai e-dagang antara China dengan 38 negara.

Platform berkenaan turut membantu mewujudkan hampir 200 pavilion negara secara fizikal dan dalam talian, sekali gus membolehkan puluhan ribu jenis produk berkualiti dari negara rakan kongsi memasuki pasaran China.

Selain itu, lebih 60 pusat bekalan produk di luar negara dikendalikan menerusi platform itu, sekali gus merancakkan perkembangan logistik rentas sempadan, pembayaran mudah alih dan sektor industri berkaitan.

Pegawai kanan MOFCOM Wang Pengfei berkata satu program bertemakan 'E-dagang Jalan Sutera' yang dianjurkan tahun lalu memperkenalkan 42 inisiatif kerjasama dan menarik penyertaan lebih 100 negara.

Platform itu juga membantu lebih 80,000 perusahaan kecil dan sederhana dari negara terlibat menjalankan urus niaga menerusinya, selain mewujudkan lebih 100,000 peluang pekerjaan. - ©BERNAMA

# Malaysia jadi negara tetamu kehormat GDTE ke-5

**BEIJING**, 8 Sept. - Ekspo Perdagangan Digital Global (GDTE) kelima dijadual berlangsung di Hangzhou, provinsi Zhejiang dari 23 hingga 27 Sept, dengan Malaysia dan Hungary menjadi negara tetamu kehormat.

Lebih satu pertiga daripada peserta ekspo kali ini terdiri daripada syarikat berkaitan kecerdasan buatan (AI).

Buat julung kalinya, zon khas Token akan diwujudkan, manakala pangkalan rintis aplikasi AI turut ditampilkan secara kolektif bagi mengetengahkan ekosistem inovasi rantaian penuh yang merangkumi model umum, aplikasi industri dan terminal pintar.

Sementara itu, pelbagai pertandingan yang memfokuskan kepada pembangunan sumber terbuka AI, kecerdasan terkandung dan teknologi *brain-computer interface* (BCI) turut akan diadakan sepanjang ekspo.

Ekspo itu akan menyediakan ruang pameran seluas 170,000 meter persegi, dengan pempamer antarabangsa merangkumi lebih 20 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Wakil-wakil dari 121 negara dan wilayah serta 29 pertubuhan antarabangsa telah mengesahkan kehadiran mereka di ekspo berkenaan. - ©BERNAMA

# Kanada sahkan tarif balas terhadap import AS berkuat kuasa Selasa

**WASHINGTON**, 8 Sept. - Kanada mengesahkan bahawa tarif balas terhadap import dari Amerika Syarikat (AS) akan berkuat kuasa pada 12.01 tengah malam (0401 GMT) Selasa ketika pertikaian perdagangan antara kedua-dua negara semakin memuncak, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Kementerian Kewangan Kanada mengesahkan langkah itu sebagai maklum balas kepada pertanyaan dpa. Tarif sehingga 50 peratus akan dikenakan ke atas import dari AS bernilai 27.6 bilion dolar Kanada (US$20 bilion), termasuk produk keluli dan aluminium, perkakas rumah, peralatan pertanian, produk pulpa dan kertas serta barangan elektronik.

Langkah itu menyusul selepas rundingan perdagangan antara Washington dan Ottawa menemui jalan buntu. Pada Ogos, AS mengenakan tarif sehingga 50 peratus ke atas barangan Kanada bernilai kira-kira US$20 bilion termasuk kayu hoki ais, perabot, madu dan wain, sekali gus mendorong Kanada mengumumkan langkah tindak balas. - ©BERNAMA

# LEBIH 300 SERTAI WALKATON WARGA EMAS 2026




**YANG Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigedier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Ahmad selaku tetamu kehormat pada Walkaton Warga Emas 2026 (kiri), manakala kanan, penyertaan yang menggalakkan ini menunjukkan minat dan keperluan yang semakin meningkat terhadap aktiviti-aktiviti bermakna yang menyokong kesejahteraan fizikal, sosial dan emosi warga emas.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jaitra Solutions**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 September. – Lebih daripada 300 peserta, termasuk lebih 200 warga emas dan peserta komuniti menyertai Walkaton Warga Emas 2026, yang diadakan pada 30 Ogos lalu.

Dianjurkan oleh Jaitra Solutions dengan kerjasama YNot Solutions, UBD dan Kelab PMNTT, walkaton sejauh 2 kilometer itu bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat, penuaan aktif, persahabatan dan hubungan komuniti yang lebih erat dalam kalangan warga emas.

Lebih daripada sekadar aktiviti berjalan kaki, acara ini memberi peluang kepada warga emas untuk bersenam, bersosial, mengeratkan semula hubungan dengan rakan-rakan dan menikmati pengalaman positif bersama komuniti.

Penyertaan yang menggalakkan ini menunjukkan minat dan keperluan yang semakin meningkat terhadap aktiviti-aktiviti bermakna yang menyokong kesejahteraan fizikal, sosial dan emosi warga emas.

Pihak penganjur amat menghargai maklum balas yang diberikan oleh para peserta, yang menyatakan harapan agar walkaton ini diteruskan pada tahun hadapan dan dijadikan acara tahunan.

Setiap langkah melambangkan lebih daripada sekadar senaman - ia melambangkan persahabatan, keyakinan, ketahanan diri dan kegembiraan menjadi sebahagian daripada komuniti kita.

Inisiatif Kesejahteraan Warga Emas akan diteruskan dengan Pertandingan Persahabatan Pingpong Warga Emas 2026, yang dijadualkan pada Ahad, 13 September 2026, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Acara tersebut disertai oleh 12 orang warga emas dan akan memberi tumpuan kepada persahabatan, penyertaan, aktiviti sihat dan keseronokan, bukannya semata-mata persaingan.

Pihak penganjur amat berbesar hati atas kesudian Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigedier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Ahmad selaku tetamu kehormat bagi kedua-dua acara walkaton dan acara yang akan datang dengan menggalakkan inisiatif-inisiatif yang memupuk kesejahteraan warga emas.

Inisiatif ini disokong melalui kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Bandaran, Kementerian Kesihatan, rakan-rakan komuniti, penaja, sukarelawan dan pertubuhan-pertubuhan yang terlibat.

Pihak penganjur berharap akan dapat terus bekerjasama lebih erat dengan JBS serta KKBS pada masa akan datang untuk membangunkan lebih banyak peluang untuk warga emas, termasuk dalam bidang sukan, kesihatan dan kesejahteraan, peningkatan ilmu pengetahuan, literasi digital, pembelajaran sepanjang hayat dan aktiviti-aktiviti komuniti.

# Persiapan Sukan Ria Tahunan Sekolah PGGMB dibincangkan

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei**

**KUALA BELAIT**, Selasa, 8 September. - Mesyuarat bagi membincangkan persiapan Sukan Ria Tahunan Sekolah-sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) diadakan di Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Kuala Belait, hari ini.

Sukan Ria Tahunan berkenaan merupakan aktiviti tahunan PGGMB yang dianjurkan secara bergilir-gilir oleh sekolah-sekolah di bawah PGGMB.

Bagi tahun ini, STJ PGGMB Kuala Belait dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan acara berkenaan yang dijangka berlangsung pada penghujung September ini.

Mesyuarat berkenaan antara lain membincangkan perkara berkaitan atur cara, tarikh dan tempat penganjuran, tetamu kehormat serta aktiviti sukan yang akan dipertandingkan bagi semua peringkat.

Selain aktiviti sukan bagi murid daripada peringkat tadika hingga Tahun 6, perbincangan turut meliputi aktiviti yang akan disediakan untuk ibu bapa serta tetamu kehormat dan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT).

Mesyuarat dipengerusikan oleh Guru Besar STJ PGGMB Kuala Belait, Dayang Fazziah binti Haji Kamis.

Hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abdul Rahman; Guru-guru Besar Sekolah PGGMB serta guru-guru kanan sekolah.

Sukan Ria Tahunan Sekolah-sekolah PGGMB diharap dapat dilaksanakan dengan lancar serta mendapat sambutan menggalakkan daripada warga sekolah dan para ibu bapa.



**SEKITAR Mesyuarat bagi membincangkan persiapan Sukan Ria Tahunan Sekolah-sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei.**